Untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai penambatan dan hotspot mudah alih, termasuk sistem pengendalian yang disokong dan butiran lain, layari <http://www.android.com/tether>.

Untuk berkongsi sambungan data telefon anda sebagai hotspot Wi-Fi mudah alih

- 1 Ketik  >  > tab **Apl** >  **Tetapan** > **Rangkaian** tab > **Penambat & Rangkaian** > **Wi-Fi hotspot** untuk mengaktifkan.
- 2 Masukkan kata laluan dan ketik **Simpan**.

PETUA! Jika komputer anda menjalankan Windows 7 atau edaran baru beberapa jenis Linux (seperti Ubuntu), anda biasanya tidak perlu menyediakan komputer anda untuk penambatan. Tetapi jika anda menjalankan versi Windows yang lebih awal atau sistem pengendalian yang lain, anda mungkin perlu menyediakan komputer anda untuk memulakan sambungan rangkaian melalui USB. Untuk maklumat terkini tentang sistem pengendalian mana yang menyokong penambatan USB dan cara menyediakan konfigurasinya, layari <http://www.android.com/tether>.

Untuk menamakan semula atau menjamin keselamatan hotspot mudah alih anda

Anda boleh menukar nama rangkaian Wi-Fi telefon anda (SSID) dan melindungi keselamatan rangkaian Wi-Finya.

1 Ketik  >  > tab **Apl** >  **Tetapan** > **Rangkaian** tab > **Penambat & Rangkaian** > **Wi-Fi hotspot**.

2 Ketik **Tetapkan titik utama Wi-Fi**.

- Kotak dialog **Tetapkan titik utama Wi-Fi** akan terbuka.
- Anda boleh menukar **Rangkaian SSID** (nama) yang dilihat oleh peranti lain semasa mengimbas rangkaian Wi-Fi.
- Anda juga boleh mengetik menu **Keselamatan** untuk mengkonfigurasi rangkaian dengan keselamatan Akses Dilindungi Wi-Fi 2 (WPA2) dengan kunci yang diprakongsi (PSK).
- Jika anda menyentuh pilihan keselamatan **WPA2 PSK**, medan kata laluan akan ditambahkan kepada kotak dialog **Tetapkan titik utama Wi-Fi**. Jika anda memasukkan kata laluan, anda akan perlu memasukkan kata laluan tersebut apabila anda menyambung kepada hotspot telefon dengan komputer atau peranti lain. Anda boleh set **Buka** pada menu **Keselamatan** untuk mengalih keluar ciri keselamatan daripada rangkaian Wi-Fi anda.

3 Ketik **Simpan**.

PERHATIAN! Jika anda menetapkan pilihan keselamatan sebagai **Buka**, anda tidak dapat menghalang penggunaan perkhidmatan dalam talian yang tidak sah oleh orang lain dan caj tambahan mungkin akan dikenakan. Untuk mengelakkan penggunaan tidak sah, anda dinasihatkan agar mengekalkan pilihan keselamatan ini sebagai aktif.

Wi-Fi Langsung


Wi-Fi Direct menyokong sambungan terus antara peranti yang didayakan Wi-Fi tanpa memerlukan pusat akses. Disebabkan penggunaan bateri yang tinggi oleh Wi-Fi direct, anda disyorkan untuk memasang telefon anda ke alur keluar kuasa sementara menggunakan ciri Wi-Fi Direct. Semak rangkaian Wi-Fi & Wi-Fi Directed anda terlebih dahulu dan pastikan pengguna disambungkan ke rangkaian yang sama.

Untuk menghidupkan Wi-Fi Direct:

- 1 Ketik **Kekunci Menu**  > **Tetapan sistem** > **Wi-Fi**.
- 2 Ketik  **Wi-Fi Direct** di bahagian bawah skrin.
- 3 Pilih peranti yang hendak disambungkan dalam senarai peranti yang diimbis.

Menggunakan SmartShare


SmartShare menggunakan teknologi DLNA (Digital Living Network Alliance) untuk berkongsi kandungan digital melalui rangkaian wayarles. Kedua-dua peranti hendaklah diperakui DLNA untuk menyokong ciri ini. Anda boleh menikmati ciri SmartShare pada Galeri, Muzik, Video dan Polaris Office.

- 1 Pada kandungan yang anda ingin mainkan atau pancarkan, ketik .
- 2 Ketik **Main** atau **Beam** dalam kotak dialog.
 - **Main:** Anda boleh strimkan kandungan anda melalui TV, pembesar suara Bluetooth, dsb.
 - **Beam:** Anda boleh menghantar kandungan anda kepada peranti Bluetooth atau SmartShare Beam*- telefon atau tablet LG yang disokong.
*SmartShare Beam memindahkan kandungan multimedia melalui Wi-Fi Direct dengan segera.
- 3 Ketik peranti untuk memainkan atau menerima pada senarai.
 - Jika peranti tiada pada senarai, pastikan pada peranti Wi-Fi, Wi-Fi Direct atau sambungan Bluetooth dihidupkan. Dan ketik **Imbas semula**.
- 4 Ketik **Hantar**.


Untuk menikmati kandungan daripada peranti berhampiran seperti komputer atau peranti mudah alih pada telefon anda

- 1 Untuk menyambungkan peranti berhampiran kepada telefon anda, ketik **Peranti berdekatan** pada aplikasi **Galeri**, **Muzik** atau **Video** seperti di bawah.

<Galeri>



<Muzik>



<Video>



- Pastikan yang telefon dan peranti berhampiran anda disambungkan pada rangkaian Wi-Fi yang sama.
- Pastikan ciri DLNA pada peranti berhampiran dihidupkan.

- 2 Ketik peranti untuk menyambungkan.

Jika peranti tiada pada senarai, ketik **Cari peranti-peranti berdekatan**. Selepas sambungan, anda boleh menikmati kandungan daripada peranti berhampiran pada telefon anda.

Sambungan PC dengan kabel USB

Ketahui cara menyambungkan peranti anda ke PC dengan kabel USB dalam mod sambungan USB.

Memindahkan muzik, gambar dan video menggunakan mod penyimpanan massa USB

- 1 Sambungkan telefon anda ke PC menggunakan kabel USB.
- 2 Jika anda belum memasang Pemacu Platform Android LG pada PC anda, anda akan diminta untuk menukar tetapan secara manual. Pilih tab **Tetapan sistem > Umum > Sambungan PC > Pilih kaedah sambungan USB**, kemudian pilih **Penyegerakan media (MTP)**.
- 3 Anda kini akan dapat melihat kandungan penyimpanan massa pada PC anda dan memindahkan fail tersebut.

Segerakkan dengan Windows Media Player

Pastikan Windows Media Player dipasangkan pada PC anda.

- 1 Gunakan kabel USB untuk menyambungkan telefon kepada PC yang telah memasang Windows Media Player.
- 2 Pilih pilihan **Penyegerakan media (MTP)**. Apabila bersambung, tettingkap timbul akan muncul pada PC.
- 3 Buka Windows Media Player untuk menyegerakkan fail muzik.
- 4 Edit atau masukkan nama peranti anda dalam tettingkap timbul (jika perlu).
- 5 Pilih dan seret fail muzik yang anda inginkan kepada senarai penyegerakan.
- 6 Mulakan penyegerakan.





- Keperluan berikut mestilah dipenuhi untuk menyegerak dengan Windows Media Player.


| Item | Keperluan |
|----------------------------|---|
| OS | Microsoft Windows XP SP2, Vista atau lebih tinggi |
| Versi Windows Media Player | Windows Media Player 10 atau lebih tinggi |

- Jika versi Windows Media Player lebih rendah daripada 10, pasang versi 10 atau lebih tinggi.



Panggilan

Membuat panggilan

- 1 Ketik  untuk membuka pad kekunci.
- 2 Masukkan nombor menggunakan pad kekunci. Untuk memadam satu digit, ketik .
- 3 Ketik  untuk membuat panggilan.
- 4 Untuk menamatkan panggilan, ketik ikon **Tamat** .

PETUA! Untuk memasukkan “+” ketika membuat panggilan antarabangsa, sentuh dan tahan .

Membuat panggilan kepada kenalan anda

- 1 Ketik  untuk membuka kenalan anda.
- 2 Tatal melalui senarai kenalan atau masukkan huruf pertama kenalan yang anda ingin panggil dengan mengetik **Cari kenalan**.
- 3 Dalam senarai, ketik  yang ingin anda hubungi.

Menjawab dan Menolak Panggilan

Apabila anda menerima panggilan dalam keadaan Kunci, sapu  dalam mana-mana arah untuk Jawab panggilan masuk.

Sapu  dalam mana-mana arah untuk Tolak panggilan masuk.

Seret ikon **Tidak menerima dengan mesej** dari bawah jika anda ingin menghantar mesej.








PETUA! Tolak dengan mesej

Anda boleh menghantar mesej dengan cepat menggunakan fungsi ini. Ini berguna jika anda perlu menolak panggilan dengan mesej semasa mesyuarat.

Melaraskan volum panggilan masuk

Untuk melaraskan volum panggilan dalam semasa dalam panggilan, gunakan kekunci volum naik dan turun di bahagian belakang telefon.

Membuat panggilan kedua

- 1 Semasa panggilan pertama anda, ketik **kekunci Menu**  > **Tambah panggilan** dan dail nombor tersebut. Anda juga boleh melihat senarai nombor telefon yang didail baru-baru ini dengan mengetik  atau mencari kenalan dengan mengetik  dan memilih kenalan yang ingin anda hubungi.
- 2 Ketik  untuk membuat panggilan.
- 3 Kedua-dua panggilan akan dipaparkan pada skrin panggilan. Panggilan pertama anda akan dikunci dan ditunda.
- 4 Ketik nombor yang dipaparkan untuk beralih antara panggilan. Atau ketik  **Gabungkan panggilan** untuk memulakan panggilan persidangan.
- 5 Untuk menamatkan panggilan aktif, ketik **Tamat** atau ketik  dan luncurkan bar pemberitahuan ke bawah dan pilih ikon **Tamat panggilan** .

NOTA: anda akan dikenakan bayaran bagi setiap panggilan yang anda buat.


Panggilan

Melihat log panggilan anda

Pada skrin utama, ketik  dan pilih tab **Log panggilan** .

Lihat senarai lengkap bagi semua panggilan didail, diterima dan tidak dijawab.

PETUA!

- Ketik mana-mana entri log untuk melihat tarikh, masa dan tempoh panggilan.
- Ketik **kekunci Menu** , kemudian ketik **Padam semua** untuk memadamkan semua item yang direkodkan.

Tetapan panggilan

Anda boleh mengkonfigurasi tetapan panggilan telefon seperti pemajuan panggilan, selain ciri istimewa lain yang ditawarkan oleh pembawa rangkaian anda.


- 1 Pada skrin Utama, ketik .
- 2 Ketik .
- 3 Ketik **Tetapan panggilan** dan pilih pilihan yang hendak anda laraskan.

Kenalan




Tambah kenalan pada telefon anda dan segerakkannya dengan kenalan dalam Akaun Google anda atau akaun lain yang menyokong penyegerakan kenalan.

Mencari Kenalan

Pada skrin Utama

- 1 Ketik  untuk membuka kenalan anda.
- 2 Ketik **Cari kenalan** dan masukkan nama kenalan menggunakan papan kekunci.


Tambah Kenalan Baru

- 1 Ketik , masukkan nombor telefon kenalan baru, lalu ketik **kekunci Menu** . Ketik **Tambah** pada **Tambah ke kenalan > Kenalan baru**.
- 2 Jika anda ingin menambah gambar pada kenalan baru, ketik kawasan imej. Pilih daripada **Ambil gambar** atau **Pilih dari Galeri**.
- 3 Pilih jenis kenalan dengan mengetik .
- 4 Ketik kategori maklumat kenalan dan masukkan butiran mengenai kenalan anda.
- 5 Ketik **Simpan**.

Kenalan kegemaran



Anda boleh mengklasifikasikan kenalan yang kerap dipanggil sebagai kegemaran.

Menambah kenalan pada kegemaran anda



- 1 Ketik  untuk membuka kenalan anda.
- 2 Ketik kenalan untuk melihat butirannya.
- 3 Ketik bintang di penjuru kanan nama kenalan. Bintang akan bertukar menjadi kuning.

Kenalan

Untuk mengeluarkan kenalan daripada senarai kegemaran anda

- 1 Ketik  untuk membuka kenalan anda.
- 2 Ketik tab  dan pilih kenalan untuk melihat butirannya.
- 3 Ketik bintang berwarna kuning di penjuru kanan nama kenalan. Bintang kembali kelabu dan kenalan ini dikeluarkan daripada kegemaran anda.

Membuat kumpulan



- 1 Ketik  untuk membuka kenalan anda.
- 2 Ketik **Kumpulan** dan ketik **kekunci Menu** . Pilih **Kumpulan baru**.
- 3 Masukkan nama untuk kumpulan baru. Anda juga boleh menetapkan nada dering untuk kumpulan yang baru dicipta.
- 4 Ketik **Simpan** untuk menyimpan kumpulan tersebut.

NOTA: Jika anda memadam kumpulan, kenalan yang dimasukkan kepada kumpulan itu tidak akan hilang. Mereka akan kekal dalam kenalan anda.

Mesej


Telefon anda menggabungkan SMS dan MMS ke dalam satu menu intuitif yang mudah digunakan.

Menghantar mesej

- 1 Ketik  pada skrin Utama dan ketik  untuk membuka mesej kosong.
- 2 Masukkan nama kenalan atau nombor panggilan dalam medan **Hingga**. Setelah anda memasukkan nama kenalan, kenalan yang sepadan akan muncul. Anda boleh mengetik penerima yang dicadangkan. Anda boleh menambahkan lebih daripada satu kenalan.

NOTA: Anda akan dikenakan caj bagi setiap orang yang dihantar mesej teks tersebut.

- 3 Ketik medan **Tulis Mesej** dan mula mengarang mesej anda.
- 4 Ketik  untuk membuka menu Pilihan. Pilih daripada **Mesej segera**, **Memasukkan senyuman**, **Penghantaran dijadual**, **Tambah subjek** dan **Buang**.

PETUA! Anda boleh ketik ikon  untuk melampirkan fail yang anda ingin kongsi bersama mesej.

- 5 Ketik **Hantar** untuk menghantar mesej anda.
- 6 Maklum balas akan muncul pada skrin. Semasa anda melihat dan menghantar mesej tambahan, urutan mesej akan diwujudkan.



AMARAN:

- Had 160 aksara mungkin berbeza dari negara ke negara bergantung kepada bahasa dan cara SMS dikodkan.
- Jika fail imej, video, atau audio ditambah pada mesej SMS, ia akan secara automatik ditukar menjadi mesej MMS, dan akan dikenakan bayaran sewajarnya.

Peti teruntai

Mesej (SMS, MMS) yang ditukar dengan pihak lain boleh dipaparkan dalam turutan kronologi agar anda boleh melihat gambaran keseluruhan perbualan anda dengan mudah.

Menukar tetapan mesej anda

Tetapan mesej telefon anda dipratentukan supaya anda boleh menghantar mesej dengan serta-merta. Anda boleh menukar tetapan ini mengikut keutamaan anda.

- Ketik ikon **Mesej** pada skrin utama, ketik  lalu ketik **Tetapan**.

E-mel

Anda boleh menggunakan aplikasi E-mel untuk membaca e-mel dari perkhidmatan seperti Gmail. Aplikasi E-mel menyokong jenis akaun berikut: POP3, IMAP dan Exchange.

Penyedia perkhidmatan atau pentadbir sistem anda akan dapat menyediakan tetapan akaun yang anda perlukan.

Menguruskan akaun e-mel

Kali pertama anda membuka aplikasi **E-mel**, wizard persediaan akan terbuka untuk membantu anda menyediakan akaun e-mel.

Selepas persediaan awal, E-mel akan memaparkan kandungan peti masuk anda.

Untuk menambah satu lagi akaun e-mel:

- Ketik  >  > tab **Apl** > **E-mail** > ketik  > **Tetapan** >  **Tambah akaun**.

Untuk menukar tetapan akaun e-mel:

- Ketik  >  > tab **Apl** > **E-mail** > ketik  > **Tetapan** > **Tetapan Umum**.

Untuk mematikan akaun e-mel:

- Ketik  >  > tab **Apl** > **E-mail** > ketik  > **Tetapan** > ketik  > **Keluarkan akaun** > Pilih akaun untuk dipadam > **Buang** > pilih **Ya**.

Menggunakan folder akaun





Ketik  >  > tab **Apl** > **E-mail** > ketik  dan pilih **Folder**.

Setiap akaun mempunyai folder Peti masuk, Peti keluar, Dihantar dan Draf.

Bergantung pada ciri-ciri yang disokong oleh penyedia perkhidmatan akaun anda, anda boleh mempunyai folder tambahan.

Mengarang dan menghantar e-mel

Untuk mengubah dan menghantar mesej

- 1 Semasa dalam aplikasi **E-mel**, ketik .
- 2 Masukkan alamat penerima mesej. Sambil anda memasukkan teks, alamat sepadan akan dicadangkan daripada Kenalan anda. Pisahkan berbilang alamat dengan tanda koma bertitik.
- 3 Ketik  untuk menambah Sk/Skt dan ketik  untuk melampirkan fail, jika diperlukan.
- 4 Masukkan teks bagi mesej.
- 5 Ketik .


PETUA! Apabila e-mel baru sampai ke dalam Peti masuk, anda akan menerima pemberitahuan bunyi atau getaran.

Kamera

Dengan kamera OIS (Penstabil Imej Optik) pada telefon, anda boleh mengambil gambar yang lebih jelas dengan menyingkirkan gegaran fizikal. Ciri Titik Berbilang AF (Auto Fokus) membolehkan anda mendapat gambar yang lebih terang dan semula jadi walaupun objek tidak berada di tengah-tengah.

Untuk membuka aplikasi Kamera, ketik **Kamera**  pada skrin Utama.



Mengenali pencari pandangan











- 1 **Flash** – Pilih daripada **Matikan** , **Hidupkan** , **Auto** .
- 2 **Tukar kamera** – Tukar antara lensa kamera menghadap belakang dan lensa kamera menghadap hadapan.
- 3 **Mod tangkapan** – Pilih daripada **Normal**, **Tangkap & Koso.**, **Nada dinamik (HDR)**, **Panorama**, **VR Panorama**, **Tangkapan bert.**, **Tangkapan cantik**, **Kamera Dwi**, **Tangkapan mas.**, **Auto pintar**, **Tenggelam mat.** atau **Malam**.
- 4 **Tetapan** – Ketik ikon ini untuk membuka menu tetapan.
- 5 **Mod video** – Ketik dan luncurkan ikon ini ke bawah untuk bertukar kepada mod video.
- 6 **Butang tangkap**
- 7 **Galeri** – Ketik untuk melihat foto terakhir yang anda tangkap. Ini membolehkan anda mengakses galeri anda dan melihat foto yang disimpan dari dalam mod kamera.

NOTA: Sila pastikan kanta kamera dalam keadaan bersih sebelum mengambil gambar.

Menggunakan tetapan lanjutan

Dalam pencari pandangan, ketik  untuk membuka pilihan lanjutan. Anda boleh menukar tetapan kamera dengan menatal melalui senarai ini. Selepas memilih pilihan, ketik .

| | |
|--|--|
|  | Untuk mengambil foto, sebut salah satu perkataan berikut: Cheese, Smile, Whisky, Kimchi atau LG. |
|  | Menentukan dan mengawal jumlah cahaya matahari yang memasuki gambar. |
|  | Ketik untuk memilih mod fokus. |
|  | Memilih resolusi foto. Jika anda memilih resolusi tinggi, saiz fail akan bertambah, yang akibatnya kurang bilangan gambar yang dapat disimpan dalam memori. |
|  | Pengadaran ISO menentukan kepekaan sensor cahaya kamera. Semakin tinggi ISO, semakin sensitif kamera itu. Ini berguna dalam keadaan lebih gelap apabila anda tidak dapat menggunakan denyar. |
|  | Memperbaiki kualiti warna dalam keadaan pencahayaan yang berbeza. |
|  | Memberi kesan artistik kepada gambar anda. |
|  | Menetapkan masa tunda selepas butang tangkap ditekan. Ini sangat sesuai jika anda juga mahu bergambar sama. |



Aktifkan yang ini untuk menggunakan perkhidmatan berasaskan lokasi telefon anda. Ambil gambar di mana sahaja anda berada dan tag ia bersama lokasi. Jika anda memuat naik gambar yang ditag pada blog yang menyokong Geo-tag, anda boleh melihat gambar tersebut dipaparkan di atas peta.

NOTA: Fungsi ini hanya tersedia apabila fungsi GPS aktif.



Memilih bunyi pengatup.



Tetapkan Kekunci Volum sama ada digunakan untuk menangkap atau mengezum.



Buka panduan bantuan untuk mengetahui cara sesuatu fungsi beroperasi.



Simpan semula semua tetapan lalai kamera.

PETUA!





- Apabila anda keluar dari kamera, beberapa tetapan kembali kepada nilai lalainya, seperti imbangan putih, kesan warna, pemaasa dan mod syot. Periksa yang berikut ini sebelum mengambil foto anda yang seterusnya.
- Menu tetapan bertindan dengan pencari pandangan, jadi apabila anda menukar elemen warna imej atau kualiti, anda akan dapat melihat pratonton pertukaran imej di belakang menu Tetapan.

Menangkap fotopantas

- 1 Buka aplikasi **Kamera** dan halakan kanta ke arah subjek yang hendak diambil gambarnya.
- 2 Kotak fokus akan muncul di tengah skrin pencari pandangan. Anda juga boleh mengetik di mana-mana bahagian pada skrin untuk memfokus titik itu.
- 3 Apabila peti fokus bertukar menjadi hijau, kamera telah memfokus pada subjek anda.
- 4 Ketik untuk menangkap gambar.

Menggunakan mod Tangkap & Kosongkan

Ciri ini membolehkan kamera mengenal pasti objek yang mungkin tidak diingini dalam foto anda. Selepas mengambil foto, ketik objek yang digariskan* untuk membuangnya, kemudian simpan foto.

- 1 Buka aplikasi Kamera.
- 2 Ketik  >  **Tangkap & Koso..**
- 3 Ketik  untuk mengambil gambar.
- 4 Ketik mana-mana objek yang digariskan untuk membuangnya daripada foto, kemudian ketik .




* Apabila mengambil gambar, objek bergerak akan ditunjukkan dalam garisan putus-putus.

NOTA

- Ambil gambar selepas menetapkan kamera pada satu tempat.
- Jika warna subjek serupa dengan latar belakang, mungkin hanya sebahagian sahaja dapat dikesan atau ia mungkin sukar dipadam.
- Jika subjek bergerak terlalu kecil atau terlalu besar, ia mungkin sukar dipadam.
- Jika subjek bergerak secara tidak ketara, ia mungkin tidak boleh dikesan.





Menggunakan mod Dwi kamera

Membolehkan anda mengambil gambar dengan kamera depan dan belakang secara serentak dan digabungkan dalam satu gambar.

- 1 Buka aplikasi **Kamera**.
- 2 Ketik  >  **Kamera Dwi**.
- 3 Kotak pencari pandangan kecil muncul pada skrin pencari pandangan utama. Sediakan tangkapan anda.
 - Seret pencari pandangan kecil ke tempat yang anda inginkan dalam gambar.
 - Sentuh dan tahan pencari pandangan kecil untuk mengubah saiz, jika perlu.
 - Ketik pencari pandangan kecil untuk menukar kanta antara pencari pandangan utama dan pencari pandangan kecil.
- 4 Ketik  untuk mengambil gambar yang digabungkan.





Menggunakan mod Syot tangkapan masa

Tetapkan kamera untuk menangkap detik-detik hilang dengan mengambil lima gambar berurutan sebelum  diketik.

- 1 Buka aplikasi **Kamera**.
- 2 Ketik  >  **Tangkapan mas..**
- 3 Ketik  untuk mengambil gambar.
- 4 Untuk melihat detik-detik sejurus sebelum gambar diambil, ketik imej kecil di bahagian bawah skrin Kamera.
- 5 Pilih gambar yang anda hendak simpan, kemudian ketik  di bahagian atas skrin.

Setelah anda mengambil gambar

Tapkan imej di dasar skrin Kamera untuk melihatkan foto terakhir anda mengambil.

| | |
|--|--|
|  | Ketik untuk berkongsi foto anda menggunakan fungsi SmartShare . |
|  | Ketik untuk terus mengambil foto lain. |
|  | Ketik untuk menghantar foto anda kepada orang lain atau berkongsiinya melalui perkhidmatan rangkaian sosial. |
|  | Ketik untuk memadamkan foto. |

PETUA! Jika anda mempunyai akaun SNS dan menetakannya pada telefon anda, anda boleh berkongsi foto anda dengan komuniti SNS anda.

NOTA: Caj tambahan mungkin akan dikenakan semasa mesej MMS dimuat turun ketika dalam perayauan.

Ketik kekunci Menu  **untuk membuka semua pilihan lanjutan.**

Tetapkan imej sebagai – Ketik untuk menggunakan foto sebagai **foto kenalan**, **Hias latar skrin utama** atau **Kertas hias dinding skrin kunci**.

Pindah – Ketik untuk memindahkan foto ke tempat lain.

Salin – Ketik untuk menyalin foto yang dipilih dan menyimpannya ke dalam album lain.

Salin ke Klip dulang – Ketik untuk menyalin foto dan menyimpannya dalam Dulang Klip.

Namakan semula – Ketik untuk mengedit nama gambar yang dipilih.

Putar Kiri/Kanan – Untuk memutar ke kiri atau kanan.

Kerat – Pangkas foto anda. Gerakkan jari anda merentasi skrin untuk memilih kawasan yang hendak dipangkas.

Edit – Lihat dan edit foto.

Pertunjukan slaid – Menunjukkan kepada anda imej dalam folder semasa satu per satu secara automatik.

Tambah lokasi – Untuk menambah maklumat lokasi.

Butiran – Dapatkan maklumat lanjut mengenai fail.

Daripada Galeri anda




Ketik  **Galeri** dan pilih **Kamera**.

- Untuk melihat lebih banyak foto, tatal ke kiri atau ke kanan.
- Untuk zum masuk atau keluar, dwiketik skrin atau letakkan dua jari dan jarakkannya (rapatkan jari anda untuk zum keluar).

Kamera video

Mengenali pencari pandangan












- 1 **Flash** – Pilih daripada **Matikan** , **Hidupkan** , **Auto** .
- 2 **Tukar kamera** – Tukar antara lensa kamera menghadap belakang dan lensa kamera menghadap hadapan.
- 3 **Mod rakaman** – Pilih daripada **Normal**, **Kesan langsung**, **Dwi Rakaman** atau **Zum Penjejakan**.
- 4 **Tetapan** – Ketik ikon ini untuk membuka menu tetapan.
- 5 **Mod kamera** – Ketik dan luncurkan ikon ini ke atas untuk bertukar kepada mod kamera.
- 6 **Mula merakam**
- 7 **Galeri** – Ketik untuk melihat video terakhir yang anda rakamkan. Ini membolehkan anda mengakses galeri anda dan melihat foto yang disimpan semasa dalam mod kamera.

PETUA!

Semasa membuat rakaman video, letakkan dua jari pada skrin dan cubit untuk menggunakan fungsi Zum.



Menggunakan tetapan lanjutan

Menggunakan pencari pandangan, ketik  untuk membuka semua pilihan lanjutan.



| | |
|---|---|
|  | <p>Ketik untuk menghidupkan ciri zum Audio. Anda boleh merekodkan bunyi yang anda inginkan sahaja dengan jelas dan kuat. Selepas menghidupkan ini, fokus kepada subjek yang anda ingin zum, di dalam bulatan biru. Untuk zum masuk pada bunyi dan juga pandangan, cubit masuk.</p> <p>NOTA</p> <ul style="list-style-type: none">• Hanya tersedia dalam pandangan landskap.• Tidak merangkumi mikrofon di kedua-dua bahagian. |
|  | <p>Ketik untuk menetapkan saiz (dalam piksel) video yang anda rakam.</p> |
|  | <p>Menentukan dan mengawal jumlah cahaya matahari yang memasuki kanta. Luncurkan penunjuk kecerahan sepanjang bar ke arah “-” untuk kecerahan video yang lebih rendah, atau ke arah “+” untuk kecerahan video yang lebih tinggi.</p> |
|  | <p>Memperbaiki kualiti warna dalam keadaan pencahayaan yang berbeza.</p> |
|  | <p>Pilih nada warna yang hendak digunakan bagi paparan baru anda.</p> |
|  | <p>Aktifkan yang ini untuk menggunakan perkhidmatan berasaskan lokasi telefon anda.</p> |
|  | <p>Tetapkan Kekunci Volum sama ada digunakan untuk merakam atau mengezum.</p> |
|  | <p>Buka panduan bantuan untuk mengetahui cara sesuatu fungsi beroperasi.</p> |
|  | <p>Simpan semula semua tetapan lalai kamera.</p> |

Kamera video

Merakam video pantas

- 1 Buka aplikasi **Kamera** dan luncurkan butang **Mod video**.
- 2 Pencari pandangan kamera video akan muncul pada skrin.
- 3 Dengan memegang telefon, halakan kanta ke arah subjek yang hendak anda tangkap dalam video anda.
- 4 Ketik  sekali untuk memulakan rakaman.
- 5 Lampu merah akan muncul di sudut atas kiri pencari pandangan dengan pemasa menunjukkan tempoh video.
- 6 Ketik  pada skrin untuk berhenti merakam.

PETUA!

-  – Ketik untuk menangkap imej semasa merakam video.
-  – Ketik untuk menjeda semasa merakam video.

Selepas merakam video

Di pemidang tilik, tepukkan video di dasar skrin untuk melihatkan video terakhir anda mengambil.



Ketik untuk berkongsi video anda menggunakan fungsi **SmartShare**.



Ketik untuk merakam video yang lain dengan serta-merta.



Ketik untuk menghantar video anda kepada orang lain atau berkongsinya melalui perkhidmatan rangkaian sosial.



Ketik untuk memadam video.

NOTA: Caj tambahan mungkin akan dikenakan semasa mesej MMS dimuat turun ketika dalam perayauan.

Daripada Galeri anda





Ketik  **Galeri** dan pilih **Kamera**. Ketik pada ikon main video  untuk memainkan video.

Melaraskan volum semasa melihat video

Untuk melaraskan volum video semasa bermain, gunakan kekunci volum di belakang belakang telefon.

Menggunakan Zum Audio

Fokuskan rakaman audio di kawasan tertentu yang dipilih, ini akan meningkatkan kepekaan mikrofon dan mengurangkan hingar latar belakang.





- 1 Buka aplikasi **Kamera** dan tukar ke mod video
- 2 Ketik  >  Zum audio dan pilih Hidupkan.
- 3 Ketik ruang kosong pada pencari pandangan untuk menutup tettingkap pop timbul Tetap.
- 4 Pegang telefon secara mendatar dan ketik  untuk mula merakam.
- 5 Fokus subjek yang anda ingin zum masuk di dalam bulatan biru. Kemudian, cubit untuk mengezum masuk bagi meningkatkan kepekaan bunyi dan menurunkan hingar.
- 6 Ketik  untuk menghentikan rakaman.

NOTA

- Jangan tutup mikrofon sisi semasa menggunakan ciri ini.
- Anda mesti merakam dalam orientasi landskap untuk menggunakan fungsi ini.





Menggunakan mod Dwi rakaman

Membolehkan anda merakam video dengan kamera depan dan belakang secara serentak dan digabungkan dalam satu rakaman.

- 1 Buka aplikasi **Kamera** dan tukar ke mod video
- 2 Ketik  >  **Dwi Rakaman**.
- 3 Kotak pencari pandangan kecil muncul pada skrin pencari pandangan utama. Sediakan tangkapan anda.
 - Seret pencari pandangan kecil ke tempat yang anda inginkan dalam gambar.
 - Sentuh dan tahan pencari pandangan kecil untuk mengubah saiz, jika perlu.
 - Ketik pencari pandangan kecil untuk menukar kanta antara pencari pandangan utama dan pencari pandangan kecil.
- 4 Ketik  untuk memulakan dwi rakaman.
- 5 Ketik  untuk menghentikan dwi rakaman.


Menggunakan mod Zum penjejakan

Membolehkan anda menentukan kawasan rakaman untuk fokus dan membesarkan. Anda boleh menetapkan kawasan sebelum rakaman, kemudian menggerakkannya seperti yang diperlukan semasa rakaman.



- 1 Buka aplikasi **Kamera** dan tukar ke mod video
- 2 Ketik  >  **Zum Penjejakan**.
- 3 Seret kanta pembesaran ke kawasan tersebut untuk membesarkan. Skrin kecil menunjukkan fokus yang ditentukan dalam pandangan besar.
- 4 Ketik  untuk memulakan rakaman.
 - Semasa rakaman, anda boleh menggerakkan skrin kecil. Sentuh dan seret ia ke lokasi yang dikehendaki.
- 5 Ketik  untuk menghentikan rakaman.

QuickMemo

QuickMemo membolehkan anda mencipta memo dan menangkap syot layar. Tangkap skrin, lukis di atasnya dan kongsiikan bersama keluarga dan rakan anda dengan QuickMemo.



ATAU




- 1 (Semasa skrin dimatikan) Tekan dan tahan Kekunci Naik Volum.



ATAU

Sentuh dan luncurkan bar status ke bawah dan ketik .

- 2 Pilih pilihan menu yang diinginkan dari **Jenis pen, Warna, Pemadam** dan reka memo.

Fungsi










- 3 Ketik  dalam menu Edit untuk menyimpan memo dengan skrin semasa. Untuk keluar QuickMemo pada bila-bila masa, ketik .

NOTA: Sila gunakan hujung jari anda semasa menggunakan QuickMemo. Jangan gunakan kuku jari anda.

Menggunakan pilihan QuickMemo

Anda boleh menggunakan pilihan QuickMenu dengan mudah semasa menggunakan fungsi QuickMemo.

| | |
|--|---|
|  | Ketik untuk menyimpan QuickMemo semasa sebagai tindihan teks di atas skrin dan meneruskan penggunaan telefon. |
|  | Memilih sama ada anda ingin menggunakan skrin latar belakang atau tidak. |
|  | Buat asal atau Buat semula. |
|  | Pilih jenis pen dan warnanya. |
|  | Memadamkan memo yang telah anda cipta. |
|  | Ketik untuk berkongsi memo dengan orang lain melalui mana-mana aplikasi yang tersedia. |
|  | Menyimpan memo dengan skrin semasa dalam Galeri atau Buku nota . |


Melihat QuickMemo yang disimpan

Ketik **Buku nota/Galeri** dan pilih album QuickMemo.

QuickTranslator

Hanya tudingkan kamera telefon pintar anda pada ayat asing yang hendak anda fahami. Anda boleh mendapatkan terjemahan masa nyata di mana-mana dan pada bila-bila masa sahaja.

Anda boleh membeli kamus tambahan untuk terjemahan di luar talian daripada Google Play Store.



- 1 Bahasa utama.
- 2 Bahasa destinasi.
- 3 Terjemahan perkataan.
- 4 Terjemahan ayat.
- 5 Terjemahan perenggan.
- 6 Tetapan.

- 1 Ketik > > tab **Apl** > **QuickTranslator**.
- 2 Ketik **Perkataan**, **Talian** atau **Perengg..**
- 3 Ketik dan pilih bahasa yang dikehendaki.
- 4 Pegang telefon dengan menghalakan lensa ke arah subjek yang anda hendak terjemah untuk beberapa saat.

NOTA: Hanya sebuah kamus disediakan dengan percuma. Kamus tambahan perlu dibeli. Sila pilih kamus yang hendak anda pasang sebagai kamus percuma anda daripada senarai kamus di bawah.

Fungsi

NOTA: Mungkin terdapat perbezaan dalam kadar pengecaman bergantung kepada saiz, fon, warna, kecerahan dan sudut huruf yang perlu diterjemahkan.

QSlide

Daripada mana-mana skrin, bukakan tetingkap notepad, kalendar, dan sebagainya di dalam skrin anda.




| | | |
|---|--|--|
| 1 | | Ketik untuk keluar dari QSlide dan kembali kepada tetingkap penuh. |
| 2 | | Ketik untuk melaraskan kelutsinaran. |
| 3 | | Ketik untuk menamatkan QSlide. |
| 4 | | Ketik untuk melaraskan saiznya. |

- 1 Sentuh dan luncurkan bar status ke bawah > ketik aplikasi Qslide atau sambil menggunakan aplikasi yang menyokong QSlide > ketik . Fungsi ini dipaparkan secara berterusan sebagai tetingkap kecil pada skrin anda.
- 2 Anda boleh membuat panggilan, melayari Web atau memilih pilihan telefon yang lain. Anda boleh juga mengguna dan mengetik skrin di bawah tetingkap kecil apabila bar kelutsinaran tidak penuh

NOTA: QSlide boleh menyokong sehingga dua tetingkap pada masa yang sama.

QuickRemote

QuickRemote menukar telefon anda kepada Kawalan Jauh Universal untuk TV rumah anda, Kotak atas set, sistem audio, pemain DVD/Blu-ray, penghawa dingin dan projektor.



- 1 Sentuh dan luncurkan bar status ke bawah dan ketik  > **TAMBAH SECARA JAUH.**

ATAU

Ketik  >  > tab **Apl** > 
QuickRemote > ketik .

- 2 Pilih jenis dan jenama peranti kemudian ikuti arahan pada skrin untuk mengkonfigurasikan peranti.

- 3 Sentuh dan luncurkan bar status ke bawah dan gunakan fungsi QuickRemote.


Ketik **kekunci Menu**  untuk memilih **Tetapan Jauh Magic, Edit nama jauh, Ketahui jauh, Alihkan jauh, Padam jauh, Edit bilik, Tetapan dan Bantuan.**


Fungsi

NOTA: QuickRemote berfungsi dengan cara yang sama seperti isyarat inframerah (IR) kawalan jauh biasa. Berhati-hati supaya tidak menutup sensor di bahagian atas telefon apabila anda menggunakan fungsi QuickRemote. Fungsi ini mungkin tidak disokong, bergantung pada model, pengilang atau syarikat perkhidmatan.

Zum untuk Mengesan

Apabila anda memainkan video, anda boleh membesarkan objek sambil menjekaknya.

- 1 Apabila anda memainkan video, ketik .
- 2 Sentuh kanta pembesaran dan seret ia ke objek untuk menjekak.



NOTA:

- Semasa video dimainkan, luncurkan skrin ke atas atau ke bawah untuk melaraskan kecerahan skrin.
- Semasa memainkan video, luncurkan skrin ke kiri atau ke kanan untuk putar balik semula atau ke hadapan.
- Jangan tekan terlalu kuat; skrin sentuh cukup sensitif untuk mengesan ketikan yang ringan tetapi kukuh.
- Zum untuk Menjejak mungkin tidak tersedia jika objek bergerak terlalu pantas atau terkeluar daripada skrin.

VuTalk

Dengan ciri VuTalk, anda boleh membuat nota interaktif dan lebih kreatif dengan pihak yang lain. Komunikasi visual dapat dilakukan sambil berkongsi foto, peta atau pratonton kamera.

NOTA:

- Hanya tersedia dengan telefon yang juga menyokong ciri ini.
- Anda juga boleh menggunakan ciri VuTalk semasa panggilan.
- Skrin akan dikunci jika tiada input.
- Memerlukan sambungan data. Caj data akan dikenakan kepada kedua-dua telefon.




Daftar VuTalk Sebelum Digunakan

1 Ketik  >  **Kenalan** > .


Anda juga boleh mendaftar perkhidmatan VuTalk semasa dalam panggilan.


2 Baca terma dan syarat aplikasi dan dasar privasi LG. Jika anda bersetuju, ketik kotak semakan, kemudian ketik **Terima**.

Tetapan VuTalk

- 1 Ketik  >  **Kenalan** >  > **Tetapan VuTalk**.
- 2 Tetapkan pilihan berikut sepertimana pilihan anda.
 - **Bunyi pemberitahuan:** Pilih bunyi pemberitahuan yang dikehendaki.
 - **Getaran:** Pilih jenis getaran yang dikehendaki.
 - **Tunjukkan pop timbul permintaan:** Tandakan semak pada pilihan ini untuk memaparkan pop timbul apabila permintaan VuTalk diterima.
 - **Penyegerakan kenalan:** Tandakan semak pada pilihan ini untuk menyegerakan kenalan.

Komunikasi Secara Visual dengan VuTalk

- 1 Ketik  >  **Kenalan** > .
- Hanya kenalan yang menggunakan ciri VuTalk akan dipaparkan.
- 2 Ketik kenalan untuk memulakan VuTalk.
- 3 Dalam skrin butiran kenalan, ketik . Selepas pihak satu lagi menerima permintaan VuTalk anda, anda boleh mulakan VuTalk dengan mereka.
- 4 Gunakan skrin VuTalk untuk berbual dan berkomunikasi secara visual dengan rakan anda.
 - Ketik  untuk melampirkan foto, mengambil foto baru, pandangan peta atau pelekat.
 - Ketik ikon Pen  dan ikon Pemadam  untuk menulis pada imej yang anda dilampirkan.
- 5 Apabila anda selesai VuTalk, ketik  atau keluar daripada ciri VuTalk. Skrin VuTalk yang dicipta disimpan dalam aplikasi **Buku Nota**.

NOTA: Jika anda ketik  dan kembali ke skrin Utama, ciri VuTalk masih berjalan di latar belakang.





Voice Mate

Voice Mate membolehkan anda berinteraksi bebas tangan dengan peranti anda. Anda boleh menggunakan Voice Mate untuk menjalankan fungsi telefon dengan suara anda, seperti memanggil kenalan, menetapkan penggera atau carian web. Apabila anda mengakses ciri ini untuk kali pertama, ia memaparkan maklumat bantuan untuk membantu anda mengetahui cara menggunakan fungsi ini.

NOTA:

- Anda boleh menggunakan Voice Mate setelah menyetujui Perjanjian Lesen Pengguna Akhir dan Dasar privasi.
- Anda boleh melihat contoh pelbagai perintah dengan menyeret skrin utama Voice Mate ke kiri.
- Anda juga boleh memulakan Voice Mate menggunakan ciri Akses Pantas.

Menggunakan Voice Mate

- 1 Ketik  >  >  **Voice Mate**.
- 2 Ketik  untuk menghidupkannya. Sebutkan perkataan yang anda mahu ia lakukan untuk anda.

PETUA! Gunakan Voice Mate dalam persekitaran yang senyap supaya ia boleh mengecam dengan tepat arahan anda.




Tetapan Voice Mate

- 1 Ketik  >  >  **Voice Mate**.
- 2 Ketik  > **Settings** untuk mengkonfigurasi tetapan persekitaran.


LG SmartWorld

LG SmartWorld menawarkan pelbagai kandungan menarik - permainan, aplikasi, kertas dinding dan nada dering - yang memberi pengguna telefon LG peluang untuk menikmati pengalaman "Kehidupan Mudah Alih" yang lebih kaya.

Bagaimana untuk Pergi ke LG SmartWorld daripada Telefon Anda




- 1 Ketik  >  > tab **Apl** > ketik ikon  untuk mengakses **LG SmartWorld**.
- 2 Ketik Log masuk dan masukkan ID/Kata Laluan untuk LG SmartWorld. Jika anda belum lagi mendaftar, ketik Daftar untuk mendapatkan keahlian LG SmartWorld.
- 3 Muat turun kandungan yang anda kehendaki.

NOTA: Bagaimana jika ikon tiada?

- 1 Dengan menggunakan penyemak imbas Web mudah alih, akses LG SmartWorld (www.lgworld.com) dan pilih negara anda.
- 2 Muat turun Apl LG SmartWorld.
- 3 Jalankan dan pasang fail yang dimuat turun.
- 4 Akses LG SmartWorld dengan mengetik ikon .

Bagaimana untuk menggunakan LG SmartWorld

- Ambil bahagian dalam promosi bulanan LG SmartWorld.

| | |
|--|---|
|  | Cari kandungan. |
|  | Cari kandungan mengikut kategori (seperti Permainan, Pendidikan, Hiburan, dsb). |
|  | Senarai kandungan dimuat turun/akan dikemas kini. |






- Cuba butang **Menu** yang mudah untuk mendapatkan apa yang anda cari dengan pantas.
Aplikasi untuk anda: Kandungan yang disyorkan berdasarkan pilihan anda yang terdahulu.
Tetapan: Menetapkan Profil dan Paparan.
Rakam masuk: Menetapkan ID dan Kata laluan anda.
- Cuba fungsi lain yang juga berguna. (Skrin Butiran Kandungan)

NOTA: LG SmartWorld mungkin tidak disediakan oleh semua pembawa rangkaian atau di semua negara.

On-Screen Phone

On-Screen Phone membolehkan anda melihat skrin telefon bimbit anda daripada PC melalui sambungan USB atau Wi-Fi. Anda juga boleh mengawal telefon mudah alih anda daripada PC menggunakan tetikus atau papan kekunci.

Ikon On-Screen Phone

| | |
|---|---|
|  | Menyambung atau memutuskan sambungan telefon mudah alih anda kepada/daripada PC anda. |
|  | Menukar keutamaan On-Screen Phone. |
|  | Keluar daripada program On-Screen Phone. |
|  | Memaksimumkan tettingkap On-Screen Phone. |
|  | Minimumkan tettingkap On-Screen Phone. |

Ciri On-Screen Phone

- Pindahan dan kawalan dalam masa nyata: memaparkan dan mengawal skrin telefon mudah alih anda semasa bersambung ke PC anda.
- Kawalan tetikus: membolehkan anda mengawal telefon mudah alih anda menggunakan tetikus untuk klik dan seret pada skrin PC anda.
- Input teks dengan papan kekunci: membolehkan anda menulia mesej teks atau nota menggunakan papan kekunci komputer anda.
- Pindahan fail (telefon mudah alih ke PC): menghantar fail daripada telefon mudah alih anda (seperti foto, video, muzik dan fail Polaris Office) ke PC anda. Anda hanya perlu mengklik kanan pada fail yang hendak anda hantar ke PC dan klik "Simpan ke PC".
- Pemindahan fail (PC ke telefon mudah alih): menghantar fail daripada PC ke telefon mudah alih anda. Anda hanya perlu memilih fail yang hendak anda pindahkan dan seret dan lepaskannya ke dalam tettingkap On-Screen Phone. Fail yang dihantar disimpan dalam kad SD dalaman.
- Pemberitahuan masa nyata: menggesa pop timbul untuk memaklumkan anda akan mana-mana panggilan masuk atau mesej teks/multimedia.

Bagaimana memasang On-Screen Phone pada PC anda

- 1 Lawati LG Home (www.lg.com) dan pilih negara pilihan anda.
- 2 Pergi ke **Sokongan > Sokongan Telefon Mudah Alih > Pilih Model (LG-D802) > Klik OSP (On-Screen Phone)** untuk memuat turun. Anda boleh memasang On-Screen Phone pada PC anda.

Galeri

Buka aplikasi **Galeri** untuk menonton album gambar dan video anda.

1 Ketik  >  > tab **Apl** >  **Galeri**.

Anda boleh menguruskan dan berkongsi semua fail imej dan video dengan Galeri.

NOTA:

- Beberapa format fail tidak disokong, bergantung kepada perisian yang dipasang pada telefon.
- Sesetengah fail mungkin tidak akan dimainkan dengan betul, bergantung kepada bagaimana ia dikodkan.

Melihat gambar

Melancarkan Galeri akan memaparkan folder anda yang tersedia. Apabila aplikasi lain, seperti E-mel, menyimpan gambar, folder muat turun akan dicipta secara automatik untuk menyimpan gambar ini. Begitu juga, menangkap tangkap layar dengan automatik akan mencipta folder Tangkap Layar. Pilih folder untuk membukanya.

Gambar dipaparkan mengikut tarikh ciptaannya dalam folder. Pilih gambar yang hendak dilihat dalam skrin penuh. Tatal ke kiri atau kanan untuk melihat imej seterusnya atau sebelumnya.

Mengezum masuk dan keluar

Gunakan salah satu kaedah berikut untuk mengezum masuk dan keluar imej:

- Ketik dua kali di mana-mana untuk mengezum masuk.
- Kembangkan dua jari di mana-mana tempat untuk mengezum masuk. Cubit untuk mengezum keluar, atau ketik dua kali untuk kembali.

Multimedia

Memainkan video

Fail video menunjukkan ikon  dalam pratonton. Pilih video yang hendak ditonton dan ketik . Aplikasi Video akan dilancarkan.

Mengedit foto

Apabila melihat foto, ketik **kekunci Menu**  > **Edit**.

Memadamkan foto/video

Gunakan salah satu kaedah berikut:

- Dalam folder, ketik  dan pilih gambar/video dengan menandakannya, lalu ketik pada **Padam**.
- Semasa melihat foto/video, ketik .




Menetapkan sebagai kertas dinding

Apabila melihat foto, ketik **kekunci Menu**  > **Tetapkan imej sebagai** untuk menetapkan imej sebagai kertas hias dinding atau untuk menguntukkannya kepada kenalan.

NOTA:



- Sesetengah format fail tidak disokong, bergantung kepada perisian peranti.
- Jika saiz fail melebihi memori yang ada, ralat akan berlaku apabila anda membuka fail.

Video

Telefon anda mempunyai pemain muzik terbina dalam yang membolehkan anda memainkan semua video kegemaran anda. Untuk mengakses pemain video, ketik  >  > tab **Apl** >  **Video**.

Memainkan video

- 1 Ketik  >  > tab **Apl** > **Video**.
- 2 Pilih video yang anda mahu mainkan.

| | |
|--|---|
|  | Ketik arah yang dikehendaki untuk zum audio. |
|  | Ketik untuk menggunakan ciri Zum untuk Menjejak. |
|  | Ketik untuk masuk ke dalam mod Qslide. |
|  | Ketik untuk berkongsi video anda melalui fungsi SmartShare. |
|  | Ketik untuk mengunci skrin video. |
|  | Ketik untuk melihat senarai video. |
|  | Tepuk untuk menangkap shot skrin. |
|  | Ketik untuk menjeda main balik video. |
|  | Ketik untuk menyambung semula main balik video. |
|  | Ketik untuk pergi 10 saat ke depan. |
|  | Ketik untuk pergi 10 saat ke belakang. |
|  | Ketik untuk mengurus volum video. |
|  | Ketik untuk menukar nisbah skrin video. |

Untuk menukar volum semasa menonton video, tekan kekunci volum ke atas dan bawah di sebelah belakang telefon.

Sentuh dan tahan video dalam senarai. Pilihan **Kongsi**, **Padam**, **Potong** dan **Butiran** akan dipaparkan.

Multimedia


Editor video

Anda boleh mengedit foto atau video yang disimpan dalam telefon.

▶ Ketik  >  > tab **Apl** >  **Editor Video**.

NOTA: Fungsi Mengedit Video disokong hanya bagi foto atau video yang dirakam dengan telefon ini.

< Skrin senarai projek >



Kawasan Senarai Projek

Ketik projek untuk mengeditnya.

Tajuk Projek

Ketik di sini untuk mengedit tajuk.

Kawasan Butang



Cipta projek baru.



Kongsi projek video dengan aplikasi lain, seperti YouTube.



Eksport projek yang siap untuk dimainkan dalam aplikasi lain.




Padam projek video.



Lihat maklumat bantuan.

< Skrin edit projek >



Kawasan paparan

Kawasan garisma



Ketik untuk melihat skrin Senarai projek.



Ketik untuk memainkan klip semasa.



Ketik untuk mengeluarkan klip terakhir yang dipilih.



Ketik untuk menambah klip video tambahan.



Ketik untuk memilih gaya video.



Tepuk untuk tambah teks ke klip video.



Tepuk untuk memisahkan klip video.

Muzik

Telefon anda mempunyai pemain muzik terbina dalam yang membolehkan anda memainkan semua muzik kegemaran anda. Untuk mengakses pemain muzik, ketik

 >  > tab **Apl** > **Muzik**.

Tambah fail muzik pada telefon anda



Mulakan dengan memindahkan fail muzik ke telefon anda:

- Pindahkan fail menggunakan Penyegerakan media (MTP).
- Muat turun dari Web tanpa wayar.
- Segerakkan telefon anda kepada komputer.
- Terima fail melalui Bluetooth.

Pindahkan fail menggunakan Penyegerakan media (MTP)

- 1 Sambungkan telefon ke PC anda menggunakan kabel USB.
- 2 Pilih pilihan **Penyegerakan media (MTP)**. Telefon anda akan kelihatan sebagai pemacu keras yang lain pada komputer anda. Klik pada pemacu keras ini untuk melihatnya. Salin fail dari PC anda ke dalam folder pemacu.
- 3 Apabila anda telah selesai memindahkan fail, seret ke bawah pada Bar Status dan ketik **USB disambung** > **Cas telefon**. Anda kini boleh menanggalkan plag peranti anda dengan selamat.

Memainkan lagu










- 1 Ketik  >  > tab **Apl** > **Muzik**.
- 2 Ketik **Lagu**.
- 3 Pilih lagu yang anda mahu mainkan.



Ketik untuk menjeda main balik.



Ketik untuk meneruskan main balik.

| | |
|--|---|
|  | Ketik untuk melangkau ke lagu seterusnya dalam album, senarai main atau kocok. Sentuh dan tahan untuk mara cepat. |
|  | Ketik untuk memulakan semula lagu semasa atau melangkau ke lagu sebelumnya dalam album, senarai main atau kocok. Sentuh dan tahan untuk putar semula. |
|  | Ketik untuk memaparkan bar gelangsar Volum, kemudian laraskan volumn main balik di bar gelangsar. |
|  | Ketik untuk menetapkan kesan audio. |
|  | Ketik untuk mencari fail dengan YouTube. |
|  | Ketik untuk membuka senarai main semasa. |
|  | Ketik untuk menambah lagu pada kegemaran anda. |
|  | Ketik untuk memainkan senarai main semasa dalam mod kocok (lagu dimainkan dalam susunan rawak). |
|  | Ketik untuk menogol melalui mod ulangan untuk ulang semua lagu, ulang lagu semasa atau matikan pengulangan. |
|  | Ketik untuk berkongsi muzik anda melalui fungsi SmartShare. |

Untuk menukar volumn sambil mendengar muzik, tekan kekunci volumn ke atas dan bawah pada sebelah belakang telefon.

Sentuh dan tahan sebarang lagu di dalam senarai. Pilihan **Main**, **Tambah pada senarai main**, **Kongsi**, **Tetapkan Lagu sebagai**, **Padam**, **Butiran** dan **Cari** akan dipaparkan.

Multimedia

NOTA:

- Seseengah format fail tidak disokong, bergantung kepada perisian peranti.
- Jika saiz melebihi memori yang ada, ralat akan berlaku apabila anda membuka fail.

NOTA: Hak cipta fail muzik mungkin dilindungi oleh perjanjian antarabangsa dan undang-undang hak cipta nasional.

Oleh itu, kebenaran atau lesen mungkin perlu diperoleh untuk mengeluarkan semula atau menyalin muzik.

Dalam seseengah negara, undang-undang nasionalnya melarang penyalinan peribadi bahan berhak cipta. Sebelum memuat turun atau menyalin fail, semak undang-undang nasional negara yang berkenaan mengenai penggunaan bahan sedemikian.

Luncurkan ketepi (Penukaran tugas pantas dengan TIGA jari)

Anda boleh menukar kepada tugas lain dengan pantas menggunakan tiga jari.

- 1 Letakkan tiga jari pada skrin yang anda sedang gunakan dan luncurkan skrin ke kiri. Skrin semasa disimpan dan anda boleh melakukan tugas lain.
 - Anda boleh menyimpan 3 (tiga) aplikasi di bahagian kiri skrin.
- 2 Untuk membuka semula skrin yang disimpan dan meneruskan penggunaan aplikasi, letakkan tiga jari pada skrin dan luncurkannya ke kanan.

NOTA: Sila berhati-hati dan jangan meletakkan jari lain atau tapak tangan pada skrin.

Mod Tetamu

Untuk melindungi privasi anda atau menghadkan sesetengah aplikasi daripada anak-anak anda, anda boleh menggunakan mod Tetamu.



Apabila anda meminjamkan telefon anda kepada orang lain, anda boleh menghadkan aplikasi yang boleh dipaparkan.


Terlebih dahulu, tetapkan mod Tetamu dan sesuaikan pilihan.

NOTA: Untuk menggunakan mod Tetamu, kunci corak harus ditetapkan terlebih dahulu.




- 1 Ketik  >  > tab **Apl** >  **Tetapan** > **Umum** tab > **Mod tetamu**.
- 2 Ketik Gunakan Mod Tetamu untuk meletakkan tanda semak.

Menetapkan penggera anda




- 1 Ketik  >  > tab **Apl** > **Penggera/Jam** > .
- 2 Selepas anda menetapkan penggera, telefon anda akan memberitahu anda baki masa yang tinggal sebelum penggera berbunyi.
- 3 Tetapkan **Ulang**, **Tempoh tunda**, **Getaran**, **Nada penggera**, **Volum penggera**, **Pemula aplikasi Auto**, **Kunci teka-teki** dan **Memo**. Ketik **Simpan**.

NOTA: Untuk menukar tetapan penggera dalam skrin senarai penggera, ketik **kekunci Menu**  dan pilih **Tetapan**.

Menggunakan kalkulator anda

- 1 Ketik  >  > tab **Apl** > **Kalkulator**.
- 2 Sentuh kekunci nombor untuk memasukkan nombor.
- 3 Untuk pengiraan mudah, ketik fungsi yang anda kehendaki (+, −, x, atau ÷), diikuti dengan =.
- 4 Untuk pengiraan yang lebih kompleks, luncurkan yang kiri kemudian pilih sin, cos, tan, log dll.
- 5 Untuk menyemak sejarah, ketik ikon .

Menambah acara pada kalendar anda







- 1 Ketik  >  > tab **Apl** > **Kalendar**.
- 2 Pada skrin, anda akan boleh menemui jenis paparan Kalendar yang berbeza (Hari, Minggu, Bulan, Tahun, Agenda, Life Square).
- 3 Ketik pada tarikh yang anda ingin tambahkan acara dan ketik .
- 4 Ketik **Nama acara** dan masukkan nama acara tersebut.


- 5 Ketik **Lokasi** dan masukkan lokasi. Semak tarikh dan masukkan masa mula dan tamat acara.
- 6 Jika anda ingin menambah nota kepada acara anda, ketik **Pautkan note**, kemudian pilih imej buku nota yang disimpan. (Hanya ada pada kalendar Telefon)
- 7 Jika anda ingin mengulang semula penggera, tetapkan **ULANG**, dan tetapkan **PERINGATAN**, jika perlu.
- 8 Sentuh **Simpan** untuk menyimpan acara dalam kalendar.

Perakam Suara


Gunakan perakam suara untuk merakamkan memo suara atau fail audio yang lain.

Merakam bunyi atau suara

- 1 Ketik  >  >  **Perakam suara**.
- 2 Ketik  untuk memulakan rakaman.
- 3 Ketik  untuk menamatkan rakaman.
- 4 Ketik  untuk mendengar rakaman.

NOTA: Ketik  untuk mengakses album anda. Anda boleh mendengar rakaman yang disimpan. Masa rakaman yang tersedia mungkin berbeza daripada masa rakaman sebenar.

Menghantar rakaman suara

- 1 Sebaik sahaja anda telah selesai merakam, anda boleh menghantar klip audio dengan mengetik .
- 2 Pilih daripada **Bluetooth**, **E-mel**, **Gmail**, **Memo**, **Mesej** atau **SmartShare Beam**. Apabila anda memilih **Bluetooth**, **E-mel**, **Gmail**, **Memo**, **Mesej** atau **SmartShare Beam** rakaman suara akan ditambah kepada mesej. Anda kemudiannya boleh menulis dan menghantar mesej seperti biasa.

Pengurus tugasan

Anda boleh menguruskan aplikasi anda menggunakan Pengurus Tugas. Anda dengan mudah boleh memeriksa bilangan aplikasi yang sedang berjalan dan menutup aplikasi tertentu.

Tugas

Tugas ini boleh disegerakkan dengan akaun MS Exchange. Anda boleh mencipta tugas, menyemaknya dan memadamkannya dalam MS outlook atau MS Office Outlook Web Access.

Untuk Menyegerakkan MS Exchange

- 1 Dari Skrin Utama, Ketik  >  > tab **Apl** >  **Tetapan**.
- 2 Ketik tab **Umum** > **Akaun & selari** > **Tambah akaun**.
- 3 Ketik **Microsoft Exchange** untuk mencipta Alamat e-mel dan Kata Laluan.
- 4 Pastikan anda menambah tanda semak pada tugas Segerakkan.

NOTA: MS Exchange mungkin tidak disokong bergantung pada pelayan e-mel.

POLARIS Viewer 5

Polaris Office adalah penyelesaian pejabat mudah alih profesional yang membolehkan pengguna melihat berbagai jenis dokumen Office dengan mudah, termasuk fail Word, Excel dan PowerPoint di mana sahaja, pada bila-bila masa, menggunakan peranti mudah alih mereka.


Ketik  >  > tab **Apl** >  **POLARIS Viewer 5**.

Melihat fail

Pengguna mudah alih kini dapat melihat dengan mudah berbagai jenis fail, termasuk dokumen Microsoft Office dan Adobe PDF, langsung pada peranti mudah alih mereka. Apabila melihat dokumen menggunakan POLARIS Viewer 5, objek dan tata letak kekal sama seperti dalam dokumen asal.

Google+

Gunakan aplikasi ini untuk kekal berhubung dengan orang lain melalui perkhidmatan rangkaian sosial Google.

- Ketik  >  > tab **Apl** >  **Google+**.

NOTA: Aplikasi ini mungkin tidak tersedia bergantung pada wilayah atau pembekal khidmat.

Carian Voice

Gunakan aplikasi ini untuk membuat carian laman web menggunakan suara.

- 1 Ketik  >  > tab **Apl** >  **Carian Voice**.
- 2 Sebut kata kunci atau ungkapan apabila **Sebutkan sekarang** muncul pada skrin. Pilih salah satu kata kunci cadangan yang muncul.

NOTA: Aplikasi ini mungkin tidak tersedia bergantung pada wilayah atau pembekal khidmat.

MUAT TURUN

Gunakan aplikasi ini untuk melihat fail mana yang telah dimuat turun melalui aplikasi.

- Ketik  >  > tab **Apl** >  **MUAT TURUN**.

NOTA: Aplikasi ini mungkin tidak tersedia bergantung pada wilayah atau pembekal khidmat.

Internet







Gunakan aplikasi ini untuk melayari Internet. Pelayar memberikan anda dunia permainan, muzik, berita, sukan, hiburan, dan banyak lagi yang pantas dan penuh warna-warni, terus pada telefon mudah alih anda, di mana sahaja anda berada dan apa sahaja yang anda minati.

NOTA: Caj tambahan akan dikenakan semasa menyambung pada perkhidmatan ini dan memuat turun kandungan. Semak caj data dengan pembekal rangkaian anda.

1 Ketik  >  > tab **Apl** >  **Internet**.

Menggunakan bar alat Web

Ketik dan luncurkannya ke atas menggunakan jari anda untuk membuka.

| | |
|---|---|
|  | Ketik untuk ke belakang satu halaman. |
|  | Ketik untuk pergi ke hadapan satu halaman, ke halaman yang anda sambungkan selepas halaman semasa. Ini adalah berlawanan dengan apa yang berlaku apabila anda mengetik  , yang membawa anda ke halaman sebelumnya. |
|  | Ketik untuk pergi ke halaman Utama. |
|  | Ketik untuk menambah tettingkap baru. |
|  | Ketik untuk mengakses penanda buku. |

Melihat halaman web


Ketik medan alamat, masukkan alamat web dan ketik **Pergi**.

Membuka halaman

Untuk pergi ke halaman baru, ketik  → .

Untuk pergi ke laman web yang lain, ketik , tatal ke atas atau ke bawah, dan ketik halaman ini untuk memilihnya.

Membuat carian web menggunakan suara

Ketik medan alamat, ketik , sebutkan kata kunci, lalu pilih salah satu kata kunci cadangan yang muncul.

NOTA: Ciri ini mungkin tidak tersedia bergantung kepada wilayah atau pembekal khidmat anda.

Penanda Buku

Untuk menandakan laman web semasa, ketik  > **Simpan pada Penanda buku** > **Pilih**.

Untuk membuka halaman web yang ditandai, ketik  dan pilih satu.

Sejarah

Ketik  > **Sejarah** untuk membuka laman web daripada senarai laman web yang baru dilawati. Untuk mengosongkan sejarah, ketik **Kekunci Menu**  → **Padam semua sejarah**.

Menggunakan Pelayar Pop Timbul

Gunakan ciri ini untuk mengakses Internet tanpa menutup aplikasi semasa.

Sambil melihat kandungan, seperti kenalan atau nota yang termasuk alamat web, pilih alamat web lalu ketik Pelayar Pop Timbul untuk membuka pelayar pop timbul ini. Sentuh dan seret pelayar untuk menggerakkannya ke lokasi lain.

Untuk melihat pelayar dalam skrin penuh, ketik .

Untuk menutup pelayar, ketik .

Chrome

Gunakan Chrome untuk membuat carian maklumat dan melayari laman web.

1 Ketik  >  > tab **Apl** > **Chrome**.

NOTA: Aplikasi ini mungkin tidak tersedia bergantung kepada wilayah atau pembekal khidmat anda.

Melihat halaman web

Ketik medan Alamat, lalu masukkan alamat web atau kriteria carian.

Membuka halaman

Untuk pergi ke halaman yang baru, ketik  → **+ New tab**.

Untuk pergi ke laman web yang lain, ketik , tatal ke atas atau ke bawah, dan ketik halaman ini untuk memilihnya.

Menyegerak dengan peranti lain

Segerakkan tab dan penanda buku terbuka yang hendak digunakan dengan Chrome pada peranti lain semasa anda sedang log masuk dengan akaun Google yang sama.

Untuk melihat tab yang terbuka pada peranti lain, ketik **kekunci Menu**  → **Other devices**.

Pilih laman web yang hendak dibuka.

Untuk menambah penanda buku, ketik .

Tetapan

Bahagian ini memberikan gambaran tentang item yang anda boleh tukar menggunakan menu Tetapan sistem telefon anda.

Untuk mengakses menu Tetapan:

Ketik  >  > **Tetapan sistem.**

- atau -

Ketik  >  > tab **Apl** >  **Tetapan.**

Rangkaian

< **Wi-Fi** >

Wi-Fi – Hidupkan Wi-Fi untuk menyambung ke rangkaian Wi-Fi yang tersedia.

PETUA! Bagaimana mendapatkan alamat MAC

Untuk menyediakan sambungan dalam sesetengah rangkaian wayarles dengan penapis MAC, anda mungkin perlu memasukkan alamat MAC telefon anda ke dalam penghala.

Anda boleh mendapatkan alamat MAC dalam antara muka pengguna yang berikut: ketik  >  > tab **Apl** >  **Tetapan** > tab **Rangkaian** > **Wi-Fi** >  > **Lanjutan Wi-Fi** > **Alamat MAC.**

< **Bluetooth** >

Hidupkan ciri wayarles Bluetooth untuk menggunakan Bluetooth.

< **Data mudah alih** >

Memaparkan penggunaan data dan menetapkan had penggunaan data mudah alih.

< **Tetapan panggilan** >

Konfigurasi tetapan panggilan telefon seperti pemajuan panggilan, dan ciri istimewa lain yang ditawarkan oleh pembawa rangkaian anda.

Mel suara – Membolehkan anda memilih perkhidmatan mel suara yang disediakan oleh pembawa rangkaian anda.

Tetapan

Nombor dail tetap – Hidupkan dan kumpulkan senarai nombor yang boleh dihubungi daripada telefon anda. Anda akan memerlukan PIN2 anda, yang boleh didapati daripada operator anda. Hanya nombor yang termasuk dalam senarai dail tetap boleh dipanggil daripada telefon anda.

Kemasukan panggilan tetingkap timbul – Papar pop timbul panggilan masuk apabila menggunakan kamera dan video

Tolak panggilan – Membolehkan anda menetapkan fungsi tolak panggilan. Pilih antara **Hubungi mod penolakan** atau **Menolak panggilan daripada**.

Tidak menerima dengan mesej – Apabila anda hendak menolak panggilan, anda boleh menghantar mesej pantas menggunakan fungsi ini. Ini amat berguna jika anda perlu menolak panggilan semasa mesyuarat.

Penyimpan privasi – Menyembunyikan nama dan nombor telefon pemanggil bagi panggilan masuk.

Mengalihkan panggilan – Pilih sama ada anda ingin mengalih semua panggilan semasa talian sibuk, apabila tidak dijawab atau apabila isyarat tiada.

Jawab secara automatik – Tetapkan masa sebelum peranti bebas tangan yang bersambung menjawab panggilan masuk secara automatik. Pilih daripada Jalankan, 1 saat, 3 saat, dan 5 saat.

Getaran penyambungan – Telefon anda bergetar semasa pihak yang dihubungi menjawab panggilan.

Peningkatan suara – Meningkatkan kualiti suara dalam persekitaran yang bising supaya anda boleh mendengar dengan lebih jelas.

Simpan nombor tidak dikenali – Menambah nombor tidak diketahui ke dalam kenalan selepas panggilan.

Butang kuasa menamat panggilan – Membolehkan anda memilih butang untuk menamatkan panggilan anda.

Sekatan panggilan – Kunci panggilan masuk, keluar atau antarabangsa.

Tempoh panggilan – Lihat tempoh panggilan termasuk Panggilan terakhir, Panggilan keluar, panggilan Masuk dan Semua panggilan.

Tetapan tambahan – Ini membolehkan anda menukar tetapan yang berikut:

ID pemanggil: Pilih sama ada hendak memaparkan nombor telefon anda pada panggilan keluar.

Panggilan Menunggu: Jika panggilan menunggu diaktifkan, telefon akan memberitahu anda tentang panggilan masuk semasa anda sedang menjawab panggilan lain (bergantung kepada pembekal rangkaian anda).

< Kongsi & Bersambung >

NFC – Telefon anda adalah telefon mudah alih berdaya NFC. NFC (Komunikasi Medan Dekat) adalah teknologi kesambungan wayarles yang mendayakan komunikasi dua hala antara peranti elektronik. Ia beroperasi dalam jarak liputan beberapa sentimeter. Anda boleh berkongsi kandungan anda dengan tag NFC atau peranti lain yang disokong NFC hanya dengan mengetiknya menggunakan peranti anda. Jika anda mengetik tag NFC dengan peranti anda, ia akan memaparkan kandungan tag pada peranti anda.

Untuk menghidupkan atau mematikan NFC: Pada Skrin utama, sentuh dan luncurkan panel pemberitahuan ke bawah dengan jari anda, lalu pilih ikon NFC untuk menghidupkannya.

NOTA: Apabila mod pesawat diaktifkan, aplikasi NFC boleh digunakan.

Menggunakan NFC: Untuk menggunakan NFC, pastikan peranti anda dihidupkan dan aktifkan NFC, jika ia telah dinyahdayakan.

Direct/Android Beam – Apabila ciri ini dihidupkan, anda boleh memancarkan kandungan apl ke peranti boleh NFC dengan memegang peranti dalam keadaan rapat. Hanya rapatkan kedua-dua peranti (biasanya membelakangi satu sama lain) kemudian ketik skrin anda. Apl akan menentukan apa yang akan dipancarkan.

SmartShare Beam – Boleh menerima fail dari telefon-telefon LG.

Miracast – Pantulkan skrin dan bunyi telefon pada anak kunci Miracast atau TV secara Wayarles.

Tetapan

Penyimpanan Tanpa Wayar – Anda boleh mengurus fail pada telefon anda dalam komputer atau menyalin fail ke telefon daripada komputer tanpa sambungan USB. Selepas menghidupkan Penyimpanan tanpa wayar, pastikan telefon dan komputer bersambung kepada rangkaian yang sama. Kemudian, masukkan alamat web yang ditunjukkan pada telefon anda di dalam bar alamat pelayar pada komputer anda.

< Penambat & Rangkaian >

Wi-Fi hotspot – Anda boleh juga menggunakan telefon anda untuk menyediakan sambungan broadband bimbit. Buat hotspot dan kongsi sambungan anda. Sila "**Berkongsi sambungan data telefon anda**" untuk maklumat lanjut.

Bluetooth ditambah – Membolehkan anda menetapkan telefon anda sama ada anda berkongsi sambungan Internet atau tidak.

Bantuan – Ketik untuk melihat maklumat bantuan pada Wi-Fi hotspot dan fungsi penambatan Bluetooth.

Mod pesawat – Selepas bertukar kepada Mod pesawat, semua sambungan wayarles akan dinyahdayakan.

NOTA:Anda mesti menetapkan PIN kunci skrin atau kata laluan sebelum anda boleh menggunakan simpanan tauliah.

Rangkaian mudah alih – Tetapkan pilihan untuk perayauan data, mod & operator rangkaian, nama pusat akses (APN), dsb .

VPN - Memaparkan senarai Rangkaian Peribadi Maya (VPN) yang telah anda konfigurasi sebelum ini. Membolehkan anda menambah jenis VPN yang berbeza.

Bunyi

Profil bunyi – Pilih Bunyi, sama ada Getar sahaja atau Senyap.

Volum - Laraskan tetapan volum telefon untuk disesuaikan dengan keperluan dan persekitaran anda.

Kekuatan getaran – Membolehkan anda menetapkan kekuatan getaran untuk panggilan, pemberitahuan dan sentuh maklum balas.

Mod senyap – Sediakan mod Senyap anda. Ketik suis **Hidupkan mod senyap sekarang** untuk menogol sama ada Dihidupkan atau Dimatikan. Anda boleh menjadualkan mod Senyap untuk diaktifkan secara automatik dan menetapkan pengecualian kepada mod Senyap anda.

Menetapkan masa tenang: Ketik suis untuk menogol sama ada Dihidupkan atau Dimatikan. Anda juga boleh menetapkan hari dan masa untuk menghidupkan mod Senyap secara automatik.

Tetapan panggilan masuk

Menyekat panggilan masuk: Tandakan semak untuk menyekat semua panggilan masuk.

Benarkan panggilan berulang: Tandakan semak untuk membenarkan panggilan berulang dalam 3 minit.

Senarai kenalan yang dibenarkan: Tentukan Panggilan kenalan yang dibenarkan.

Auto-menjawab panggilan yang disekat.: Tetapkan bagaimana anda ingin membalas secara automatik kepada panggilan disenyapkan.

Nada dering telefon – Tetapkan nada dering untuk panggilan. Anda juga boleh menambah nada dering dengan mengetik  di sudut atas sebelah kanan skrin.

Nada dering pintar – Tandakan semak untuk menaikkan volum nada dering telefon secara automatik apabila berada di persekitaran yang bising.


Getaran panggilan masuk – Tetapkan Pilihan getaran panggilan masuk.

Getaran lembut – Tandakan semak untuk meningkatkan getaran secara beransur-ansur sehingga takat kekuatan semasa.

Tetapan

Nada dering berserta getaran – Tandakan semak untuk menetapkan telefon bergetar di samping nada dering apabila anda menerima panggilan.

Suara Pemberitahuan – Ketik suis **Suara Pemberitahuan** untuk menogol sama ada Dihidupkan atau Dimatikan. Jika anda menghidupkannya, peranti anda akan dimaklumkan panggilan dan mesej masuk secara automatik.

Bunyi Pemberitahuan – Membolehkan anda menetapkan bunyi untuk pemberitahuan. Anda juga boleh menambah bunyi dengan mengetik  di sudut atas sebelah kanan skrin.

Sentuh maklum balas & sistem – Membolehkan anda untuk menetapkan maklum balas (nada dan/atau getaran) ketika menggunakan peranti anda.

Paparan

< Skrin utama >

Tetapkan **Tema, Kertas dinding, Efek skrin, Benarkan menggelung skrin Utama** atau **Paparan menegak sahaja**.

Sokongan & Pengekalan Utama – Anda boleh menyandar dan memulihkan reka letak aplikasi/widget dan tema.

Bantuan – Tepuk untuk melihat maklumat bantuan di skrin Asal.

< Skrin kunci >

Pilih skrin kunci – Tetapkan jenis skrin kunci untuk menjamin keselamatan telefon anda. Membuka beberapa skrin yang membantu anda melalui lukisan corak buka kunci skrin. Tetapkan **Tiada, Seret, Membuka kunci Muka, Corak, PIN** atau **Kata laluan**.

Jika anda telah mendayakan jenis kunci Corak semasa anda menghidupkan telefon anda atau membangunkan skrin, anda akan diminta untuk melukis corak buka kunci anda untuk membuka kunci skrin.


Efek skrim – Tetapkan pilihan kesan leret skrin. Pilih daripada Riak, Titis embun, Lubang putih, Zarah dan Kristal.

NOTA: Nama tetapan ini mungkin Kesan corak jika Kunci skrin ditetapkan kepada Corak.

Animasi cuaca – Tandakan semak untuk menunjukkan animasi cuaca untuk lokasi semasa atau bandar utama yang ditetapkan dalam Cuaca berdasarkan kemas kini data auto.

Kertas dinding – Tetapkan kertas dinding Skrin kunci anda. Pilih daripada **Galeri** atau **Galeri kertas hias dinding**.

Jalan pintas – Membolehkan anda untuk menukar pintasan pada **Leret** Skrin kunci.

Maklumat pemilik – Tandakan semak untuk menetapkan nama pemilik peranti bagi dipaparkan pada Skrin kunci. Ketik  untuk memasukkan teks yang akan dipaparkan sebagai Maklumat pemilik.

Kunci pemasa – Tetapkan jumlah masa sebelum skrin terkunci secara automatik selepas skrin tamat masa.

Butang kuasa segera mengunci – Tandakan semak untuk mengunci skrin dengan segera apabila Kekunci Kuasa/Kunci ditekan. Tetapan ini akan membatalkan tetapan Pemasa kunci keselamatan.

< **Butang sentuhan depan** >

Tetapkan Kunci Sentuh Depan yang dipaparkan di bahagian bawah semua skrin. Tetapkan apa yang dipaparkan, kedudukannya di bar dan bagaimana ia kelihatan. Pilih kekunci dan susunan, tema dan latar belakang.

< **SKRIN** >

Kecerahan – Laraskan kecerahan skrin. Untuk prestasi bateri yang terbaik, gunakan kecerahan termalap yang selesa.

Masa tamat skrin – Tetapkan jumlah masa sebelum skrin tamat masa.

Kesan luar skrin – Tetapkan kesan matikan skrin. Pilih daripada Ringkas, Lubang gelap dan TV Retro.

Skrin auto putar – Tandakan semak untuk menetapkan telefon secara automatik memutar skrin berdasarkan orientasi telefon (potret atau landskap).

Tetapan

Mimpi Hari – Ketik suis Mimpi Hari untuk menogol sama ada Dihidupkan atau Dimatikan. Dihidupkan, membolehkan set gambar skrin dipaparkan apabila telefon sedang tidur semasa dok dan/atau mengecap. Pilih daripada Jam, Warna, Bingkai Gambar dan Jadual Foto.

< HURUF >

Jenis font – Tetapkan jenis fon yang digunakan untuk telefon dan menu.

Saiz fon – Tetapkan saiz fon yang dipaparkan di telefon dan menu.

< PINTAR PADA >

Skrin Pintar – Tandakan semak untuk mengelakkan skrin daripada tamat masa apabila peranti mengesan mata anda sedang melihat skrin.

Video Pintar – Tandakan semak untuk menjedakan video apabila ia tidak mengesan mata anda melihat skrin.

< TETAPAN LANJUTAN >

Pemberitahuan LED – Ketik suis untuk menogol sama ada Dihidupkan atau Dimatikan. Dihidupkan, akan mengaktifkan lampu LED untuk pemberitahuan yang anda pilih, mengikut warna yang ditetapkan bagi setiap satu.

Pembetulan aspek nisbah – Membolehkan anda untuk menukar nisbah aspek aplikasi yang dimuat turun bagi memperbaiki herotan skrin.

Umum

< Gerakan >

Skrin hidup/Mati – Tandakan semak untuk membolehkan Pasangkan Skrin menghidup dan mematikan skrin. Dwiketik dengan cepat di tengah skrin untuk menghidupkannya. Dwiketik Bar Status, kawasan kosong pada skrin Utama atau skrin Kunci untuk mematikan skrin. Untuk hasil yang terbaik, jangan gerakkan telefon semasa menggunakan ciri Pasangkan Skrin.

Jawab panggilan masuk – Tandakan semak untuk membolehkan anda membawa telefon ke telinga dan secara automatik menjawab panggilan masuk.

Melenyapkan nada dering – Tandakan semak untuk membolehkan anda mengangkat telefon daripada permukaan rata untuk melenyapkan nada dering panggilan masuk.

Panggilan masuk secara senyap – Tandakan semak untuk membolehkan anda menterbalikkan telefon untuk menyenyapkan panggilan masuk.

Penggera tidur sekejap atau berhenti – Tandakan semak untuk membolehkan anda menterbalikkan peranti supaya menunda atau menghentikan penggera.

Jeda video – Tandakan semak untuk membolehkan anda menterbalikkan peranti supaya menjeda video yang sedang dimainkan.

Alihkan item-item skrin utama – Tandakan semak untuk membolehkan anda mengalih ikon ke skrin lain dengan menyendengkan telefon. Ketik dan tahan ikon dan sendengkan telefon ke kiri atau kanan, kemudian melepaskan di skrin yang anda mahu ikon itu berada.

Bantuan – Buka panduan bantuan mengenai cara menggunakan ciri Gerakan bagi peranti anda.

Penentukuran sensor gerakan – Membolehkan anda memperbaiki ketepatan kecondongan dan kelajuan sensor.

< Operasi tunggal >

Pad kekunci dail – Tandakan semak untuk membolehkan anda mengalih pad kekunci dail ke sebelah kanan atau kiri peranti. Hanya ketik anak panah untuk mengalihkannya ke satu sisi atau sebaliknya.

LG Papan kekunci – Tandakan semak untuk membolehkan anda mengalih papan kekunci ke sebelah kanan atau kiri peranti. Hanya ketik anak panah untuk mengalihkannya ke satu sisi atau sebaliknya.

Kawalan isyarat – Tandakan semak untuk membolehkan anda meleret papan kekunci ke kiri atau kanan bagi melaraskan kedudukan papan kekunci LG.

Skrin kunci – Tandakan semak untuk membolehkan anda mengalih pad kekunci Skrin kunci PIN ke sebelah kanan atau kiri peranti. Hanya ketik anak panah untuk mengalihkannya ke satu sisi atau sebaliknya.

Bantuan – Memaparkan maklumat mengenai operasi sebelah tangan.

Tetapan

< Storan >

STORAN DALAMAN – Lihat penggunaan simpanan dalaman.

< Bateri >

MAKLUMAT BATERI

Maklumat cas bateri dipaparkan pada grafik bateri berserta baki peratusan cas dan statusnya.

Sentuh ikon cas bateri untuk memaparkan skrin Penggunaan bateri untuk melihat tahap penggunaan bateri dan butiran penggunaan bateri. Ia memaparkan komponen dan aplikasi yang paling banyak menggunakan kuasa bateri. Ketik salah satu entri untuk melihat maklumat yang lebih terperinci.

Peratus bateri – Tandakan semak untuk memaparkan peratusan tahap bateri pada Bar Status di sebelah ikon bateri.

JIMAT KUASA

Ketik suis Penjimat bateri untuk menogol sama ada Dihidupkan atau Dimatikan. Ketik Penjimat bateri untuk mengakses tetapan berikut:

Pasang Penjimat Kuasa: Tetapkan tahap peratus cas bateri yang akan menghidupkan Penjimat bateri secara automatik. Pilih daripada Serta-merta, bateri 10%, bateri 20%, bateri 30% dan bateri 50%.

ITEM PENJIMAT BATERI

Auto-penyegerakan: Tandakan semak untuk mematikan Penyegerakan auto apabila Penjimat bateri diaktifkan.

Wi-Fi: Tandakan semak untuk mematikan Wi-Fi apabila data tidak digunakan ketika Penjimat bateri diaktifkan.

Bluetooth: Tandakan semak untuk mematikan Bluetooth apabila tidak disambung ketika Penjimat bateri diaktifkan.

Bergetar apabila disentuh: Tandakan semak untuk mematikan maklum balas sentuhan apabila Penjimat bateri diaktifkan.

Kecerahan: Tandakan semak untuk menetapkan kecerahan skrin apabila Penjimat bateri diaktifkan. Ketik untuk menukar tetapan.

Masa tamat skrin: Tandakan semak untuk menetapkan tamat masa skrin apabila Penjimat bateri diaktifkan. Ketik ikon Tetapan untuk menukar tetapan.

Pemberitahuan LED: Tandakan semak untuk mematikan lampu LED bagi pemberitahuan apabila Penjimat bateri diaktifkan.

Tip Jimat Kuasa

< Apl >

Lihat dan uruskan aplikasi anda.

< Luncurkan Ketepi >

Ketik suis **Luncurkan Ketepi** untuk menogolnya kepada dihidupkan bagi menggunakan ciri Luncurkan Ke Tepi. (Sila lihat **Luncurkan Ketepi**.)

< Akaun & selari >

Membolehkan aplikasi menyegerakkan data di latar belakang, tanpa mengira sama ada anda sedang mengerjakannya secara aktif atau tidak. Membuang tanda semak pada tetapan ini boleh menjimatkan kuasa bateri dan menurunkan (tetapi tidak menghapuskan) penggunaan data.

< Awan >

Tambah akaun cloud dengan cepat dan mudah menggunakan perkhidmatan cloud pada aplikasi LG.

< Mod tetamu >

Untuk melindungi privasi anda atau mengehadkan sesetengah aplikasi daripada anak-anak anda, anda boleh menggunakan mod Tetamu.

Apabila anda meminjamkan telefon anda kepada orang lain, anda boleh mengehadkan aplikasi yang boleh dipaparkan.

Terlebih dahulu, tetapkan mod Tetamu dan sesuaikan pilihan.

Tetapan

< Akses lokasi >

Akses kepada lokasi saya – Jika anda memilih perkhidmatan lokasi Google, telefon anda akan menentukan anggaran lokasi anda menggunakan Wi-Fi dan rangkaian mudah alih. Apabila anda memilih pilihan ini, anda akan ditanya sama ada anda setuju untuk membolehkan Google menggunakan lokasi anda semasa menyediakan perkhidmatan ini.

Satelit GPS – Jika anda memilih satelit GPS, telefon anda akan menentukan lokasi anda sehingga peringkat ketepatan jalan.

Lokasi Wi-Fi & rangkaian mudah alih. – Membolehkan apl menggunakan data daripada sumber seperti Wi-Fi dan rangkaian mudah alih untuk menentukan anggaran lokasi anda.

< Keselamatan >

Enkripsikan telefon – Membolehkan anda menyulitkan data pada telefon untuk keselamatan. Anda akan diminta memasukkan PIN atau kata laluan untuk menyahsulit telefon anda setiap kali anda menghidupkannya.

Sediakan kunci kad SIM – Sediakan kunci kad Micro-USIM atau ubah PIN kad Micro-USIM.

Menaip kata laluan boleh dilihat – Tunjukkan aksara akhir bagi kata laluan yang disembunyikan semasa anda menaip.

Pentadbir peranti – Lihat atau nyahaktifkan pentadbir telefon.

Sumber tidak diketahui – Tetapan lalai untuk memasang aplikasi bukan gedung Play.

Mengesahkan aplikasi – Tidak membenarkan atau memberi amaran sebelum pemasangan aplikasi yang boleh menyebabkan kemudaratan.

Pentauliahan Dipercayai – Paparkan sijil-sijil CA yang dipercayai.

Pasang dari simpanan – Pilih untuk memasang sijil yang disulitkan.

Kosongkan butiran – Alih keluar semua sijil.

< Bahasa & input >

Gunakan tetapan Bahasa & input untuk memilih bahasa bagi teks pada telefon anda dan untuk mengkonfigurasi papan kekunci atas skrin, termasuk perkataan yang telah anda tambahkan pada kamusnya.

< Sokongan & set semula >

Tukar tetapan untuk menguruskan tetapan dan data anda.

Sandarkan data saya – Tetapkan untuk menyandarkan tetapan anda dan data aplikasi pada pelayan Google.

Akaun sandaran – Tetapkan untuk menyandarkan akaun anda.

Simpan semula automatik - Tetapkan untuk memulihkan tetapan dan data aplikasi anda apabila aplikasi dipasang semula pada peranti anda.

Perkhidmatan LG Backup – Sandarkan semua maklumat tentang peranti dan memulihkan sekiranya berlaku kehilangan data atau penggantian.

Menetapkan semula data kilang - Tetapkan semula tetapan anda kepada nilai lalai kilang dan padamkan semua data anda. Jika anda menetapkan semula telefon dengan cara ini, anda akan digesa untuk memasukkan semula maklumat yang sama sebagaimana ketika anda memulakan Android buat kali pertama.

< Tarikh & Masa >

Gunakan tetapan **Tarikh & Masa** untuk menetapkan cara akan dipaparkan. Anda juga boleh menggunakan tetapan ini untuk menetapkan masa dan zon masa anda sendiri dan bukan mendapatkan masa semasa daripada rangkaian mudah alih.

< Kebolehcapaian >

Anda boleh menggunakan tetapan **Kebolehcapaian** untuk mengkonfigurasi sebarang pasang masuk kebolehcapaian yang telah anda pasang pada telefon anda.

NOTA: Memerlukan pasang masuk tambahan untuk menjadikan boleh dipilih.

Tetapan

< Sambungan PC >

Pilih kaedah sambungan USB – Tetapkan mod yang dikehendaki: **Cas telefon**, **Penyegerakan media (MTP)**, **Penambat**, **Perisian LG** atau **Menghantar imej (PTP)**.
Tanya apabila menyambungkan – Tanya dalam mod sambungan USB ketika hendak menyambung kepada komputer.

Bantuan – Bantuan bagi sambungan USB.

PC Suite – Tandakan ini untuk menggunakan LG PC Suite dengan sambungan Wi-Fi anda.

Sila ambil perhatian bahawa rangkaian Wi-Fi hendaklah disambungkan kepada LG PC Suite melalui sambungan Wi-Fi.

On-Screen Phone – Tandakan ini untuk menerima permintaan sambungan Wi-Fi dari On-Screen Phone.

Bantuan – Bantuan bagi perisian LG.

< Aksesori >

bekas QuickWindow – Aktifkan ciri-ciri seperti muzik, cuaca dan jam boleh dilihat dalam paparan kecil apabila menggunakan bekas QuickWindow.

USB storan – Tetapkan ciri Plug & Pop untuk penyimpanan USB. Tandakan semak pada pilihan **Panel Aplikasi** untuk memaparkan secara automatik panel aplikasi apabila menyambung kabel USB OTG (On-the-Go). Ketik **Sunting panel aplikasi** untuk menukar aplikasi yang anda ingin membuatnya tersedia.

Fon telinga – Tetapkan ciri Plug & Pop untuk fon telinga. Tandakan semak pada pilihan **Panel Aplikasi** untuk memaparkan secara automatik panel aplikasi apabila menyambung fon telinga. Ketik **Sunting panel aplikasi** untuk menukar aplikasi yang anda ingin membuatnya tersedia.

< Mengenai telefon >

Lihat maklumat perundangan, dan periksa status telefon dan versi perisian anda.

< Maklumat Peraturan dan Keselamatan >

Untuk melihat maklumat peraturan dan keselamatan, ketik  **Tetapan** > tab **Umum**

> **Mengenai telefon** > **Peraturan dan Keselamatan**.

Perisian PC (LG PC Suite)

Perisian PC "LG PC Suite" adalah program yang membantu anda menyambung peranti anda ke PC melalui kabel USB dan Wi-Fi. Setelah bersambung, anda boleh menggunakan fungsi peranti anda dari PC anda.

Dengan PC Perisian "LG PC Suite" anda, Anda Boleh...

- Uruskan dan mainkan kandungan media anda (muzik, filem, gambar) pada PC anda.
- Hantar kandungan multimedia ke peranti anda.
- Menyegerakkan data (jadual, kenalan, penanda buku) dalam peranti dan PC anda.
- Sandarkan aplikasi dalam peranti anda.
- Kemas kini perisian dalam peranti anda.
- Sandarkan dan pulihkan data peranti.
- Mainkan kandungan multimedia PC anda daripada peranti anda.
- Sandarkan dan cipta serta edit memo dalam peranti anda

NOTA: Anda boleh menggunakan menu Bantuan daripada aplikasi untuk mengetahui cara menggunakan perisian PC "LG PC Suite" anda.

Memasang PC perisian "LG PC Suite"

PC perisian "LG PC Suite" boleh dimuat turun dari laman web LG.

- 1 Pergi ke www.lg.com dan pilih negara pilihan anda.
- 2 Pergi ke **Sokongan > SOKONGAN MUDAH ALIH > Telefon Mudah Alih LG > Pilih Model**
atau
Pergi ke **Sokongan > Telefon Mudah Alih > Pilih Model**.
- 3 Klik **PYGRKN PC** daripada **MANUAL & MUAT TURUN** dan klik **MUAT TURUN** untuk memuat turun perisian PC "LG PC Suite".

Perisian PC (LG PC Suite)

Keperluan Sistem untuk perisian PC "LG PC Suite"

- OS: Windows XP (Service pack 3) 32bit, Windows Vista, Windows 7, Windows 8
- CPU: Pemproses 1GHz atau lebih tinggi
- Memori: RAM 512MB atau lebih tinggi
- Kad grafik: Resolusi 1024 x 768, warna 32 bit atau lebih tinggi
- HDD: 500 MB atau lebih ruang cakera keras bebas (Lebih banyak ruang bebas cakera keras mungkin diperlukan bergantung pada jumlah data yang disimpan.)
- Perisian diperlukan: pemacu integrasi LG, Windows Media Player 10 atau lebih baru

NOTA: Pemacu USB Bersepadu LG

Pemacu USB bersepadu LG diperlukan untuk menyambungkan peranti LG dan PC serta dipasang secara automatik apabila anda memasang aplikasi perisian PC "LG PC Suite".

Menyegerakkan Peranti anda kepada PC

Data daripada peranti dan PC anda boleh disegerakkan dengan mudah dengan adanya perisian PC "LG PC Suite" untuk kemudahan anda. Kenalan, jadual dan penanda buku boleh disegerakkan.

Prosedurnya adalah seperti berikut:

- 1 Sambungkan peranti anda ke PC. (Gunakan kabel USB atau sambungan Wi-Fi.)
- 2 **Pilih kaedah sambungan USB** akan muncul, kemudian pilih **Perisian LG**.
- 3 Selepas sambungan, jalankan program dan pilih seksyen peranti daripada kategori di sebelah kiri skrin.
- 4 Klik **Maklumat peribadi** untuk memilih.
- 5 Tandakan kotak semak kandungan untuk menyegerak dan klik butang **Pygrkn**.

NOTA: Untuk menyegerakkan telefon dengan PC anda, anda perlu memasang LG PC Suite pada PC anda. Sila rujuk halaman sebelumnya untuk memasang LG PC Suite.

Memindahkan kenalan dari Peranti Lama anda ke Peranti Baru anda

- 1 Eksport kenalan anda sebagai fail CSV dari peranti lama anda ke PC anda menggunakan program penyegerakan PC.
- 2 Pasang "LG PC Suite" pada PC dahulu. Jalankan program ini dan sambungkan telefon mudah alih Android anda kepada PC menggunakan kabel USB.
- 3 Pada menu atas, pilih **Peranti > Import ke peranti > Import kenalan**.
- 4 Tetingkap pop timbul untuk memilih jenis fail dan fail yang hendak diimport akan muncul.
- 5 Pada pop timbul, klik **Pilih fail** dan Windows Explorer akan muncul.
- 6 Pilih fail kenalan untuk mengimport dalam Windows Explorer dan klik **Buka**.
- 7 Klik **OK**.
- 8 Pop timbul **Pemetaan medan** untuk mengaitkan kenalan dalam peranti anda dan data kenalan baru akan muncul.
- 9 Jika terdapat konflik antara data dalam kenalan PC anda dan kenalan peranti, buat pilihan atau perubahan dalam LG PC Suite.
- 10 Klik **OK**.

Kemas kinian perisian telefon

Kemas kinian perisian telefon

Kemas kinian perisian telefon bimbit LG daripada Internet

Untuk maklumat lanjut tentang menggunakan fungsi ini, sila lawati <http://update.lgmobile.com> atau <http://www.lg.com/common/index.jsp> → pilih negara dan bahasa anda.

Ciri ini membolehkan anda mengemas kini perisian tegar telefon anda kepada versi terkini daripada Internet dengan mudah tanpa melawati pusat servis. Ciri ini tersedia hanya jika dan apabila LG membuat versi lebih baru peralatan tegar yang tersedia bagi peranti anda.

Oleh kerana pengemaskinian peralatan tegar telefon mudah alih memerlukan perhatian penuh pengguna sepanjang tempoh proses kemas kini, sila pastikan anda memeriksa semua arahan dan nota yang muncul pada setiap langkah sebelum meneruskannya. Sila ambil perhatian bahawa menanggalkan kabel data USB semasa naik taraf boleh menyebabkan kerosakan teruk kepada telefon mudah alih anda.

NOTA: LG berhak membuat kemas kinian peralatan tegar hanya tersedia bagi model terpilih mengikut budi bicaranya sendiri dan ini tidak menjamin ketersediaan versi lebih baru peralatan tegar bagi semua model telefon bimbit.

Kemas kinian Perisian Telefon Mudah Alih LG melalui teknologi Over-the-Air (OTA)

Ciri ini membolehkan anda mengemas kini perisian telefon anda kepada versi lebih baru dengan mudah melalui OTA, tanpa menyambung menggunakan kabel data USB. Ciri ini tersedia hanya jika dan apabila LG membuat versi lebih baru peralatan tegar yang tersedia bagi peranti anda.

Anda hendaklah terlebih dahulu menyemak versi perisian pada telefon mudah alih anda: **Tetapan** > tab **Umum** > **Mengenai telefon** > **Pusat kemaskini** > **Kemas kini perisian** > **Semak sekarang untuk kemas kinian**.

NOTA: Data peribadi anda daripada storan dalaman telefon—termasuk maklumat mengenai Akaun Google anda dan mana-mana akaun lain, data dan tetapan sistem/aplikasi anda, sebarang aplikasi yang dimuat turun dan lesen DRM anda—mungkin akan hilang ketika mengemas kini perisian telefon anda. Dengan itu, LG mengesyorkan agar anda membuat sandaran data peribadi anda sebelum mengemas kini perisian telefon anda. LG tidak bertanggungjawab atas sebarang kehilangan data peribadi.

NOTA: Ciri ini bergantung kepada pembekal khidmat rangkaian, wilayah dan negara anda.

Mengenai panduan pengguna ini

Mengenai panduan pengguna ini

- Sebelum menggunakan peranti anda, sila baca manual ini dengan teliti. Ini akan memastikan bahawa anda menggunakan telefon anda dengan selamat dan dengan betul.
- Sesetengah imej dan tangkap layar yang disediakan dalam panduan ini mungkin nampak berbeza pada telefon anda.
- Kandungan anda mungkin berbeza daripada produk akhir, atau daripada perisian yang dibekalkan oleh pembekal perkhidmatan atau pembawa. Kandungan ini mungkin tertakluk kepada perubahan tanpa notis lebih awal. Bagi versi terkini manual ini, sila lawati laman web LG di www.lg.com.
- Aplikasi telefon anda dan fungsinya mungkin berbeza mengikut negara, wilayah, atau spesifikasi perkakasan. LG tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang masalah prestasi yang timbul akibat penggunaan aplikasi yang dibangunkan oleh pembekal selain daripada LG.
- LG tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap masalah prestasi atau ketidakserasian yang timbul akibat tetapan daftar yang diedit atau perisian sistem pengendalian yang diubah suai. Sebarang cubaan untuk menyesuaikan sistem pengendalian anda boleh menyebabkan peranti atau aplikasinya tidak berfungsi sebagaimana sepatutnya.
- Perisian, audio, kertas hias dinding, imej, dan media lain yang dibekalkan bersama peranti anda telah dilesenkan untuk penggunaan terhad. Jika anda memetik dan menggunakan bahan-bahan ini untuk tujuan perdagangan atau tujuan lain, anda mungkin melanggar undang-undang hak cipta. Sebagai pengguna, anda bertanggungjawab sepenuhnya terhadap penggunaan media yang tidak sah di sisi undang-undang.

- Bayaran tambahan mungkin dikenakan untuk perkhidmatan data, seperti pemesejan, memuat naik dan memuat turun, penyegerakan auto, atau menggunakan perkhidmatan lokasi. Untuk mengelakkan caj tambahan, pilih plan data yang sesuai dengan keperluan anda. Hubungi pembawa perkhidmatan anda untuk mendapatkan butiran tambahan.

Tanda dagangan

- LG dan logo LG adalah tanda dagangan berdaftar LG Electronics.
- Semua tanda dagangan dan hak cipta lain adalah harta pemiliknnya masing-masing.

DivX HD

TENTANG VIDEO DIVX: DivX[®] adalah format video digital yang dicipta oleh DivX, LLC, syarikat subsidiari Rovi Corporation. Ini adalah peranti DivX Certified[®] rasmi yang telah lulus ujian rapi untuk mengesahkan bahawa ia memainkan video DivX. Lawati www.divx.com untuk maklumat lanjut dan alatan perisian untuk menukar fail anda menjadi video DivX.

TENTANG DIVX VIDEO-ON-DEMAND: Peranti DivX Certified[®] ini hendaklah didaftarkan sebelum anda dapat memainkan filem DivX Video-on-Demand (VOD) yang dibeli. Untuk mendapatkan kod pendaftaran anda, cari seksyen VOD DivX dalam menu persediaan peranti anda. Pergi ke vod.divx.com untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai cara melaksanakan pendaftaran anda.

DivX Certified[®] untuk memainkan video DivX[®] sehingga HD 720P, termasuk kandungan premium.

DivX[®], DivX Certified[®] dan logo yang berkaitan adalah tanda dagangan Rovi Corporation atau syarikat subsidiarinya dan digunakan dengan kebenaran.

Mengenai panduan pengguna ini

Dolby Digital Plus  **DOLBY**
DIGITAL PLUS

Dikeluarkan dengan kebenaran Dolby Laboratories. Dolby, Dolby Digital Plus dan simbol D berganda adalah tanda dagangan Dolby Laboratories.

Notis: Perisian Sumber Terbuka


Untuk mendapatkan kod sumber sepadan di bawah GPL, LGPL, MPL dan lesen sumber terbuka yang lain, sila lawati <http://opensource.lge.com/>

Semua terma lesen, penafian dan notis sedia untuk dimuat turun dengan kod sumber.

Aksesori

Aksesori ini tersedia untuk digunakan dengan telepon anda. (Item yang diterangkan di bawah mungkin adalah pilihan.)

Penyesuai
kembara




Alat dengar
Stereo



Panduan Mula
Pantas



Kabel data



Alat pelenting
Micro-USIM



NOTA:

- Selalu gunakan aksesori LG yang tulen.
- Kegagalan melakukan ini mungkin akan mentaksahkan waranti anda.
- Aksesori mungkin berbeza di kawasan berlainan.

Pencarisilapan

Bab ini menyenaraikan beberapa masalah yang mungkin anda hadapi semasa menggunakan telefon anda. Sesetengah masalah menghendaki anda memanggil pembekal khidmat anda, tetapi kebanyakannya boleh anda betulkan sendiri dengan mudah.

| Mesej | Sebab yang mungkin | Langkah pembetulan yang mungkin |
|--|--|--|
| Ralat kad Micro-USIM | Tiada kad Micro-USIM di dalam telefon atau ia tidak dimasukkan dengan betul. | Pastikan bahawa kad Micro-USIM dimasukkan dengan betul. |
| Tiada sambungan rangkaian/ Kehilangan rangkaian | Isyarat adalah lemah atau anda di luar rangkaian pembawa. | Pergi ke arah tingkap atau ke kawasan terbuka. Periksa peta liputan operator rangkaian. |
| | Perkhidmatan baru yang disediakan oleh operator. | Periksa sama anda usia kad Micro-USIM lebih daripada 6~12 bulan. Jika begitu, tukar kad Micro-USIM anda di cawangan pembekal rangkaian yang terdekat. Hubungi pembekal khidmat anda. |

| Mesej | Sebab yang mungkin | Langkah pembetulan yang mungkin |
|---------------------------------|--|--|
| Kod tidak sepadan | Untuk menukar kod keselamatan, anda perlu mengesahkan kod baru dengan memasukkannya sekali lagi. | Jika anda kehilangan kod tersebut, hubungi juga operator rangkaian anda. |
| | Dua kod yang anda masukkan tidak sepadan. | |
| Aplikasi tidak boleh ditetapkan | Tidak disokong oleh pembekal khidmat atau pendaftaran diperlukan. | Hubungi pembekal khidmat anda. |
| Panggilan tidak tersedia | Ralat mendail | Rangkaian baru tidak diluluskan. |
| | Kad Micro-USIM baru dimasukkan. | Semak kalau-kalau terdapat sekatan baru. |
| | Had caj prabayar telah dicapai. | Hubungi pembekal khidmat atau tetapkan semula had dengan PIN2. |

Pencarisilapan

| Mesej | Sebab yang mungkin | Langkah pembetulan yang mungkin |
|--------------------------------|---|---|
| Telefon tidak dapat dihidupkan | Kekunci Hidup/ Mati ditekan tidak cukup lama. | Tekan kekunci Hidup/Mati sekurang-kurangnya dua saat. |
| | Bateri tidak dicas. | Caskan bateri. Periksa penunjuk mengelas yang dipaparkan. |
| Ralat pengecasan | Bateri tidak dicas. | Caskan bateri. |
| | Suhu luar terlalu panas atau terlalu sejuk. | Pastikan telefon mengelas pada suhu biasa. |
| | Masalah sesentuh | Periksa pengecas dan sambungannya kepada telefon. |
| | Tiada voltan | Pasang pengecas ke dalam soket lain. |
| | Pengecas rosak sedikit | Gantikan pengecas dengan yang baru. |
| | Pengecas yang salah | Hanya gunakan aksesori LG yang tulen. |
| Nombor tidak dibenarkan | Fungsi Nombor dailan tetap dihidupkan. | Periksa menu Tetapan dan matikan fungsi. |



| Mesej | Sebab yang mungkin | Langkah pembetulan yang mungkin |
|---|---------------------------------------|--|
| Tidak dapat menerima / menghantar SMS & foto | Memori penuh | Padamkan sesetengah mesej daripada telefon anda. |
| Fail tidak terbuka | Format fail tidak disokong | Semak format fail yang disokong. |
| Skrin tidak hidup semasa saya menerima panggilan. | Masalah sensor kedekatan | Jika anda menggunakan pita atau bekas pelindung, pastikan ia tidak menutup kawasan di sekeliling sensor kedekatan. Pastikan bahawa kawasan di sekeliling sensor kedekatan adalah bersih. |
| Tiada bunyi | Mod getaran | Semak status tetapan dalam menu bunyi untuk memastikan telefon anda bukan dalam mod getaran atau senyap. |
| Panggilan tamat atau menjadi kaku | Masalah perisian yang sekejap-sekejap | Cuba lakukan kemas kini perisian melalui laman web. |


Soalan Lazim

| Kategori Sub-Kategori | Soalan | Jawapan |
|--------------------------------------|--|---|
| BT Bluetooth Peranti | Apakah fungsi yang tersedia melalui Bluetooth | Anda boleh menyambungkan peranti audio Bluetooth seperti set kepala Stereo/Mono atau Kit Kereta. Juga, semasa pelayan FTP bersambung dengan peranti yang serasi, anda boleh berkongsi kandungan yang disimpan pada media storan. |
| BT Bluetooth Set Kepala | Jika set kepala Bluetooth saya disambungkan, bolehkah saya mendengar muzik saya melalui set kepala berwayar 3.5 mm saya? | Apabila alat dengar Bluetooth disambungkan, semua bunyi sistem dimainkan melalui alat dengar. Hasilnya, anda tidak akan dapat mendengar muzik menerusi fon kepala berwayar anda. |
| Data Kenalan Sandaran | Bagaimanakah saya dapat membuat simpanan Kenalan? | Data Kenalan dapat disegerakkan antara telefon anda dan Gmail™. |
| Data Penyegerakan | Bolehkah kita menyediakan penyegerakan satu hala dengan Gmail? | Hanya penyegerakan dua hala tersedia. |
| Data Penyegerakan | Bolehkah semua folder e-mel disegerakkan? | Peti Masuk disegerakkan secara automatik. Anda boleh melihat folder lain dengan mengetik Kekunci Menu  dan memilih Folders untuk memilih folder. |

| Kategori Sub-Kategori | Soalan | Jawapan |
|---|---|---|
| Perkhidmatan Google™ Log masuk Gmail | Perlukah saya log masuk ke Gmail apabila saya ingin mengakses Gmail? | Setelah anda log masuk ke Gmail, anda tidak perlu log masuk ke Gmail sekali lagi. |
| Perkhidmatan Google™ Akaun Google | Bolehkah E-mel ditapis? | Tidak, penapisan E-mel tidak disokong melalui telefon. |
| Fungsi Telefon E-mel | Apakah yang berlaku apabila saya melaksanakan aplikasi lain sambil menulis E-mel? | E-mel anda akan disimpan sebagai draf secara automatik. |
| Fungsi Telefon Nada dering | Adakah terdapat had saiz fail jika saya hendak menggunakan fail MP3 sebagai nada dering? | Tiada had saiz fail. |
| Fungsi Telefon Masa Mesej | Telefon saya tidak memaparkan masa penerimaan bagi mesej yang lebih lama daripada 24 jam. Bagaimana cara hendak menukarnya? | Anda hanya akan dapat melihat masa bagi mesej yang diterima pada hari yang sama. |


Soalan Lazim

| Kategori Sub-Kategori | Soalan | Jawapan |
|---|--|--|
| Fungsi Telefon Navigasi | Bolehkah saya memasang aplikasi navigasi lain pada telefon saya? | Mana-mana aplikasi yang tersedia di Play Store™ dan yang serasi dengan perkakasan boleh dipasang dan digunakan. |
| Fungsi Telefon Penyegerakan | Bolehkah saya menyegerakan kenalan saya daripada semua akaun E-mel saya? | Hanya kenalan Gmail dan pelayan MS Exchange (pelayan e-mel syarikat) yang dapat disegerakan. |
| Fungsi Telefon Tunggu dan Jeda | Bolehkah saya menyimpan kenalan dengan Tunggu dan Jeda dalam nombornya? | Jika anda memindahkan kenalan dengan fungsi W & P (Tunggu & Jeda) disimpan ke dalam nombornya, anda tidak akan dapat menggunakan ciri-ciri tersebut. Anda perlu menyimpan semula setiap nombor. Cara untuk menyimpan dengan Tunggu dan Jeda: <ol style="list-style-type: none">1. Pada skrin Utama, ketik ikon Telefon .2. Dail nombor, kemudian ketik Kekunci Menu .3. Ketik Tambah 2 saat jeda atau Penambahan menunggu. |
| Fungsi Telefon Keselamatan | Apakah fungsi keselamatan yang terdapat pada telefon ini? | Anda boleh menetapkan telefon agar meminta Corak Buka Kunci dimasukkan sebelum telefon boleh diakses atau digunakan. |

| Kategori Sub-Kategori | Soalan | Jawapan |
|---|--|--|
| <p>Fungsi Telefon Buka kunci Corak</p> | <p>Bagaimanakah saya membuat Corak Buka Kunci?</p> | <ol style="list-style-type: none"> 1. Pada Skrin utama, ketik Kekunci Menu . 2. Ketik Tetapan sistem > tab Paparan > Skrin kunci. 3. Ketik Pilih skrin kunci > Corak. .Pada kali pertama anda melakukan ini, tutorial ringkas tentang membuat Corak Buka Kunci akan muncul. 4. Sediakan dengan melukis corak anda sekali, dan sekali lagi untuk pengesahan. <p>Langkah berjaga-jaga perlu diambil semasa menggunakan kunci corak. Mengingati corak buka kunci yang anda tetapkan amatlah penting. Anda tidak akan dapat mengakses telefon anda jika anda menggunakan corak yang salah sebanyak lima kali. Anda mempunyai lima peluang untuk memasukkan corak nyahkunci, PIN atau kata laluan anda. Jika anda telah menggunakan kesemua 5 peluang, anda boleh mencuba lagi selepas 30 saat. (Atau, jika anda pratetap PIN sandaran, anda boleh menggunakan kod PIN sandaran untuk menyahkunci corak.)</p> |

Soalan Lazim

| Kategori Sub-Kategori | Soalan | Jawapan |
|--|---|--|
| Fungsi Telefon Buka kunci Corak | Apakah yang patut saya lakukan jika saya terlupa corak nyahkunci dan saya tidak membuat akaun Google saya pada telefon? | Jika anda telah terlupa corak anda: Jika anda log masuk ke dalam akaun Google anda pada telefon tetapi gagal memasukkan corak yang betul sebanyak 5 kali, ketik butang terlupa corak. Kemudian, anda akan dikehendaki mendaftar masuk dengan akaun Google anda untuk menyahkunci telefon anda. Jika anda belum membuat akaun Google pada telefon atau anda terlupa, anda perlu melakukan tetapan semula keras. Amaran: Jika anda melakukan tetapan semula kilang, semua aplikasi pengguna dan data pengguna akan terpadam. Jangan lupa untuk membuat sandaran sebarang data penting sebelum melakukan tetapan semula kilang. |
| Fungsi Telefon Memori | Adakah saya akan dapat tahu apabila memori penuh? | Ya, anda akan menerima pemberitahuan. |

| Kategori Sub-Kategori | Soalan | Jawapan |
|--|---|---|
| Fungsi Telefon Sokongan Bahasa | Bolehkah saya menukar bahasa telefon saya? | <p>Telefon ini mempunyai keupayaan berbilang bahasa.</p> <p>Untuk menukar bahasa:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pada Skrin utama, ketik Kekunci Menu  dan ketik Tetapan sistem. 2. Ketik tab Umum > Bahasa & input > Bahasa. 3. Ketik bahasa yang dikehendaki. |
| Fungsi Telefon VPN | Bagaimanakah saya menyediakan VPN? | <p>Konfigurasi akses VPN berbeza bagi setiap syarikat. Untuk mengkonfigurasi akses VPN daripada telefon anda, anda hendaklah memperoleh butiran daripada pentadbir rangkaian syarikat anda.</p> |
| Fungsi Telefon Tamat masa skrin | <p>Skrin saya mati selepas 15 saat sahaja. Bagaimanakah saya menukar jumlah masa untuk cahaya latar terpadam?</p> | <ol style="list-style-type: none"> 1. Pada Skrin utama, ketik Kekunci Menu . 2. Ketik Tetapan sistem > tab Paparan. 3. Ketik Masa tamat skrin. 4. Ketik masa bagi tamat masa lampu latar skrin pilihan. |

Soalan Lazim

| Kategori Sub-Kategori | Soalan | Jawapan |
|---|--|--|
| Fungsi Telefon Rangkaian mudah alih & Wi-Fi | Apabila rangkaian Wi-Fi dan mudah alih sama-sama tersedia, perkhidmatan manakah yang akan digunakan oleh telefon saya? | Apabila menggunakan data, telefon anda mungkin akan kembali kepada sambungan Wi-Fi (jika sambungan Wi-Fi pada telefon anda ditetapkan kepada Hidup). Walau bagaimanapun, tiada pemberitahuan dipaparkan apabila telefon anda beralih antara keduanya. Untuk mengetahui sambungan data yang mana sedang digunakan, lihat ikon rangkaian mudah alih atau Wi-Fi di bahagian atas skrin anda. |
| Fungsi Telefon Skrin Utama | Bolehkah aplikasi dibuang dari skrin Utama? | Ya. Hanya sentuh dan tahan ikon sehingga ikon tong sampah muncul di bahagian atas dan tengah skrin. Kemudian, tanpa mengangkat jari anda, seret ikon ke ikon tong sampah. |
